



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 6523]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 6524]
Cuti kepada Ahli—Kebenaran:
Y.B. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed [Ruangan 6526]
Zain (Tasek Chenderoh)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

[Ruangan 6526]

USUL:

Usul Menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan
Mesyuarat 18:

- Banjir Kilat di Melaka—Y.B. Tuan Lim [Ruangan 6563]
Guan Eng (Kota Melaka)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 6566]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) [Ruangan 6568]
1993



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar):

” Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

” Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai).
- ” Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- ” Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- ” Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- ” Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRs SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- ” Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. FONG CHAN ONN (Selandar).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZIBIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- " DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ” TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- ” DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- ” DATO’ ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- ” DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).
- ” TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- ” TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- ” TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- ” TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- ” TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- ” LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- ” PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- ” TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- ” DATO’ DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- ” TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- ” TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- ” TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- ” TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- ” TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- ” DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- ” TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- ” TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- ” TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- ” TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- ” PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- ” DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- ” TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- ” DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- ” TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- ” TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- ” DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- ” TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- " PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- " MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- ” TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- ” DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- ” TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- ” TUAN WONG WING ON (Kampar).
- ” TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- ” TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- ” TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- ” TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Haji Tajjadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha* : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting* : Hajah Shamsiah binti Mohd Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

dilakukan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan agensi-agensi berkaitan;

- (b) apakah bentuk promosi tersebut dan berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat setakat ini; dan
- (c) apakah kesan daripada usaha-usaha promosi tersebut khususnya berapa ramai pelancong daripada negara-negara yang dibuat promosi itu melawat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Usaha-usaha promosi melawat Malaysia yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah berdasarkan kepada kategori negara sasaran yang telah dikenal pasti seperti berikut:

1. Negara sasaran pasaran utama;
2. Negara sasaran pasaran sekunder;
3. Negara sasaran pasaran berpotensi atau baru.

Negara-negara sasaran yang telah dikategorikan di dalam pasaran utama adalah seperti Singapura, Thailand, Jepun, Australia, United Kingdom dan Hong Kong. Sementara pasaran sekunder pula adalah negara-negara seperti Indonesia, Itali, New Zealand, pantai barat Canada, Switzerland, Austria dan Brunei.

Negara-negara pasaran berpotensi atau baru yang telah, sedang dan akan dijalankan usaha promosi pula adalah di negara-negara seperti India, Turki, China, Amerika Selatan, Afrika Selatan, Sepanyol dan Asia Barat.

- (b) Secara keseluruhannya, bentuk promosi yang telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kempen pengiklanan melalui media cetak dan elektronik;
- (ii) menganjurkan misi pelancongan;
- (iii) mengambil bahagian dipelbagai International Tourisme Fairs dan lain-lain pameran peringkat antarabangsa yang berkaitan;
- (iv) menganjurkan bersama dengan Sistem Penerbangan Malaysia dan pihak swasta program "Make it Visit Malaysia Year";
- (v) menganjurkan program penggalakan pengguna seperti pesta makanan dan kebudayaan;
- (vi) meraikan rombongan perfileman dan wartawan dari negara-negara pasaran berkenaan ke negara ini untuk mendapatkan publisiti bagi Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang patut dilawati;

(vii) mengendalikan taklimat mengenai Malaysia kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti ahli-ahli kelab di pasaran-pasaran berkenaan.

Jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi promosi untuk tahun 1993 hingga 30-9-1993 ialah RM32,551,621.17 sen.

(c) Kesan daripada usaha-usaha promosi yang dijalankan dapat dilihat dari segi peningkatan tahap kesedaran mengenai produk-produk pelancongan yang terdapat di negara ini. Kesan seterusnya yang boleh dilihat adalah dari segi peningkatan jumlah pelancong ke negara ini. Sehingga Julai 1993 peratus ketibaan pelancong ke Malaysia telah meningkat sebanyak 11.9% iaitu 3,474,437 orang berbanding 3,104,495 orang bagi tempoh yang sama tahun 1992. Ketibaan pelancong dari negara-negara di mana promosi dibuat menunjukkan pertambahan iaitu seperti berikut:

- (i) Negara ASEAN—Pertambahan sebanyak 13.24% dari 2,314,327 orang pada tahun 1992 ke 2,620,817 orang pada tahun 1993.
- (ii) Asia Timur—Pertambahan 17.78% iaitu dari 342,758 pelancong ke 403,687 pelancong dalam tahun 1993.
- (iii) Amerika Selatan—Pertambahan 22.83% iaitu dari 1,656 ke 2,034 pelancong;

(iv) Afrika—Pertambahan 93.47% iaitu dari 6,141 pelancong dalam tahun 1992 ke 11,881 pelancong pada tahun 1993.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui tentang “Kempen Melawat Negeri” yang dianjurkan oleh negeri-negeri tertentu di Malaysia. Adakah ianya merupakan sebahagian daripada perancangan Kempen Melawat Malaysia yang dibuat oleh pihak Kementerian? Adakah pihak Kementerian berpendapat kempen tersebut akan membantu ke arah Kempen Melawat Malaysia 1994?

Soalan yang kedua ialah apakah sumbangan yang telah dan akan dibuat oleh pihak Kementerian kepada negeri-negeri yang menganjurkan “Kempen Melawat Negeri” masing-masing?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi promosi yang dibuat oleh Kementerian, kita membuat promosi di luar negeri melalui kempen-kempen kita untuk memperkenalkan produk-produk yang ada di dalam negara kita di samping memperkenalkan Malaysia. Kita tidak memperkenalkan negeri-negeri dalam Malaysia kerana ini boleh merumitkan pelancong-pelancong. Tetapi apa yang kita buat ialah pertama sekali kita kempen untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri, kenal Malaysia dahulu baru kita dapat kenalkan produk-produk yang ada dalam negara kita.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat adakah

Kementerian atau Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia ada menjalankan usaha mengumpul maklum-balas daripada setiap pelancong asing yang pernah berkunjung ke negara ini? Jika ada, apakah maklum-balas yang dikumpulkan itu serta sejauh manakah kesan negatif ke atas industri pelancongan negara kita akibat perbuatan setengah-setengah pemandu limousine atau teksi atau pekerja-pekerja hotel yang tidak bertanggung-jawab ke atas para pelancong asing seperti mengenakan tambang yang tinggi, bersikap kasar dan lain-lain?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan khususnya Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) memang dari semasa ke semasa mengadakan kajian-kajian. Di antara kajian-kajian yang kita buat bukan sahaja untuk mendapat maklum-balas tentang suasana pelancongan di dalam negara kita tetapi kita juga lebih terperinci lagi iaitu sehinggakan kita ingin mengetahui apakah minat pelancong-pelancong itu sendiri datang ke negara kita mengikut kegemaran bahkan dari segi perseorangan dan juga keluarga. Jadi semua maklumat-maklumat ini kita telah kumpulkan dan insya-Allah dengan maklumat yang ada pada kita, dari segi strategi promosi kita ke negara-negara pasaran utama, kedua atau pasaran baru kita mengambil kira semua maklumat-maklumat ini.

Yang kedua, inginlah saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu dari kajian yang kita buat memang terdapat sekumpulan kecil yang melakukan perkara-perkara negatif. Pada pandangan Kementerian ianya tidak akan menjejaskan industri pelancongan negara kita. Walaupun kecil perkara-perkara ini berlaku,

tetapi Kementerian tetap menjalankan umpamanya seminar, dialog dan perjumpaan-perjumpaan dengan mereka supaya perkara-perkara yang kecil ini pun tidak akan berlaku dalam industri pelancongan negara kita.

TELEFON STATIK DAN TELEFON BERGERAK— KESULITAN PERKHIDMATAN

2. Tuan Wong Wing On minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan sedar terdapat aduan dan perasaan tidak puas hati yang berleluasa di kalangan pengguna telefon statik biasa dan telefon bergerak terhadap sistem ART 900 yang semakin susah dihubungi termasuk ke kawasan-kawasan bandar; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mempertingkatkan perkhidmatan sistem ART 900.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar kesesakan di antara rangkaian telefon switch dan rangkaian bergerak ART 900 khususnya semasa trafik tinggi di antara rangkaian telefon switch dan rangkaian bergerak. Kedua-dua pihak iaitu Telekom Malaysia Berhad dan Celcom telah diarah supaya mengkaji dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya. Kesesakan di antara rangkaian pada peak traffic hours adalah melebihi 30% panggilan-panggilan yang tidak berjaya.

Telekom Malaysia telah diarah supaya mengambil tindakan untuk menambahkan laluan access point, dengan izin, bagi rangkaian ART 900 dan pihak Celcom telah diarah supaya

menambah kapasiti rangkaian termasuk litar-litar di antara kedua-dua rangkaian. Dengan tujuan ini Celcom telah diberi lesen untuk membenarkan mereka mewujudkan rangkaian radio microwaves untuk menambahkan lagi litar-litar yang diperlukan.

Tuan Wong Wing Oni: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang kita bincang sekarang ialah mengenai kawasan-kawasan yang memang sedia ada liputan-liputan. Bagaimana dengan kawasan-kawasan liputan yang baru, sebagai contohnya di sepanjang North-South Highway, yang mana banyak seksyen-seksyen North-South Highway tidak ada liputan langsung. Adakah Kerajaan buat satu perbincangan dengan syarikat-syarikat berkenaan bahawa priority untuk North-South Highway itu memang lebih baik untuk orang-orang yang accident dan sebagainya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sememangnya telahpun mengarahkan Celcom supaya membuat liputan yang lebih baik kepada ART 900 ini. Tetapi oleh kerana permintaan daripada pelanggan-pelanggan begitu tinggi, maka kemungkinan inilah yang menyebabkan kesesakan. Pada masa ini Celcom mempunyai kapasiti rangkaian berjumlah 215,000 tetapi mempunyai pelanggan berjumlah 211,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun kita berharap perkara ini akan dapat diatasi apabila MOBICOM memperkenalkan Telefon 800 ke dalam pasaran. Sekiranya ini berlaku bermakna pelanggan-pelanggan mempunyai pilihan sama ada mempunyai telefon ART 450 Telekom Malaysia, Art ART Celcom atau 800 yang dilaksanakan oleh MOBICOM dan

tidak lama selepas itu kita akan mempunyai satu lagi iaitu GSM yang akan dilaksanakan oleh Binariang. Saya yakin dengan adanya saingan yang begitu hebat di kalangan mereka yang mengelolakan cellular telephone ini, pihak masyarakat umum (public) akan mendapat manfaat.

RASUAH DI KALANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO

3. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) siapakah pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) yang rasuah dan menyalahgunakan kuasa seperti yang dimaksudkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa berkempen dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO (Baru); dan
- (b) sudahkah laporan rasmi dibuat dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara biasa untuk pemimpin-pemimpin ingat memperingati. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hanya mengingatkan pemimpin sama ada dalam Kerajaan ataupun di dalam parti UMNO tidak rasuah dan tidak menyalahgunakan kuasa dalam mana keadaan sekalipun. Perdana Menteri juga mengingatkan pemimpin parti dan Kerajaan di atas perkara yang sama.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Soalan tambahan. Lapan report telah dibuat terhadap Ketua Menteri

Melaka, sama ada kepada BPR ataupun kepada pihak Polis dan baru-baru ini maklumat tersebar luas bahawa beliau akan didakwa pada 11-10-1993 oleh pihak BPR di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan pejabatnya katanya telah di“seal”kan. Kemudian selepas Perdana Menteri pulang daripada luar negeri, nampaknya pendakwaan itu tidak jadi.

Jadi, apakah pandangan Menteri Undang-undang jikalau Timbalan Perdana Menteri bersungut hal ini tidak diambil kira, sedangkan Parti Pembangkang telah mendedahkannya pun tidak diambil kira, apakah pula Menteri Kewangan akan bertindak selepas ini untuk menghalang segala bentuk halangan untuk bertindak kepada orang-orang yang dibuat report dan jelas didapati terlibat di dalam rasuah misalnya; dan apakah yang menghalang tindakan mahkamah yang hendak didakwa oleh BPR itu, yang dibawa oleh BPR itu, apa punca yang menghalangnya? Apakah Perdana Menteri sendiri yang cuba menghalang BPR untuk membawa kes ini ke mahkamah?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum apa-apa siasatan boleh dilakukan, adalah amat penting bagi terbukti secara permukaan bahawa ada sesuatu kes yang boleh disiasat berlaku. Jika ada sesuatu siasatan dilakukan maka ianya akan mengambil masa dan jika dapat dibuktikan sesiapa juga yang terlibat dengan perlakuan rasuah tindakan akan diambil.

Adalah tidak adil untuk melibatkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam hal yang mengatakan ada cuba menutup mana-mana kes. Buat masa ini tidak ada kes ke atas mana-mana pihak yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada pihak dalam Kerajaan menafikan bahawa tidak ada rasuah dan politik wang dalam kempen pucuk pimpinan UMNO sekarang, tetapi semua orang tahu—sama ada orang dalam UMNO mahupun orang di luar UMNO tahu—bahawa politik wang dan rasuah begitu berleluasa. Saya ingin tahu dengan suatu dakwaan oleh bekas Ketua Bahagian Gopeng, Haji Shamsudin, bahawa 70 orang wakil di bahagian telahpun dibawa melancong ke Medan kemudian dibawa ke Genting Highlands, diberi penginapan yang begitu first class dengan jamuan dan sebagainya dan kemudian dibawa balik untuk mengundi orang yang baru yang mengganti Haji Shamsudin. Saya juga ingin tahu adakah perkara didedah begini tidak diambil tindakan oleh BPR? Apakah peranan BPR dalam soal politik wang yang begitu berleluasa dalam UMNO sekarang?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat yang berminat sangat dengan UMNO. Jaga parti sendiri dulu! Tuan Yang di-Pertua, saya suka jelaskan di sini bahawa penggunaan wang bukan menjadi satu kesalahan. Ini saya fikir ada suatu salah tanggapan. Penggunaan wang tidak salah melainkan ia melibatkan perkara yang dianggap sebagai sogokan ataupun rasuah. Kalau orang menggunakan wang, ianya tidak melakukan kesalahan. Itu adalah perkara biasa yang berlaku dalam mana-mana parti politik sekalipun.

Jadi kalau betul ada masalah, Yang Berhormat boleh timbulkan dan tunjukkan di mana ada rasuah, mungkin kita akan ambil siasatan oleh pihak BPR.

**JENAYAH—FAKTOR UTAMA
MENYEBABKAN KEJADIAN**

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kadar jenayah dari tahun 1980 hingga September 1993 mengikut pecahan negeri-negeri. Sila nyatakan:

- (a) apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan jenayah-jenayah tersebut berlaku;
- (b) jenis-jenis jenayah yang mencatat peratusan yang tertinggi;
- (c) umur mereka yang terlibat; dan
- (d) langkah-langkah pencegahan yang telah diambil dan kesannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, peratusan purata kejadian jenayah mengikut negeri sejak tahun 1980 hingga September 1993 adalah seperti berikut:

Kuala Lumpur	— 19.2%
Selangor	— 14.8%
Johor	— 11.6%
Pulau Pinang	— 11.6%
Perak	— 11.4%
Sarawak	— 6.1%
Kedah	— 5.3%
Sabah	— 4.5%
Negeri Sembilan	— 4.4%
Pahang	— 3.9%
Melaka	— 2.6%
Kelantan	— 2.1%
Terengganu	— 1.6%
Perlis	— 0.8%

(a) Di antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian jenayah adalah seperti berikut:

- (i) pengaruh kepentingan kebendaan;
- (ii) faktor kemiskinan dan pengangguran;
- (iii) sikap dan kecuaiian orang ramai dalam menjaga harta benda masing-masing;
- (iv) kurang pengawasan dan pendidikan agama dan moral oleh ibu bapa atau penjaga yang menyebabkan anak-anak mereka terlibat dengan kegiatan penagihan dadah dan menganggotai kumpulan kongsi gelap yang akhirnya mendorong mereka melakukan jenayah.

(b) Jenayah harta benda mencatat jumlah peratusan yang paling tinggi iaitu 87.55%.

(c) Semua peringkat umur terlibat dengan kes-kes jenayah. Walau bagaimanapun, peringkat umur antara 21 tahun hingga 30 tahun mencatatkan jumlah yang besar iaitu 47.76% bagi tahun 1986 hingga 1992.

(d) Di antara langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mengatasi kejadian jenayah ialah:

- (i) mengambil tindakan bersepadu dan berterusan yang melibatkan keseluruhan tenaga Polis dan masyarakat;

- (ii) m e m p e r t i n g k a t k a n kecekapan Polis untuk memerangi jenayah dengan pendekatan yang lebih profesional;
- (iii) mewujudkan kesedaran dan minat masyarakat untuk menjaga keselamatan diri dan harta benda;
- (iv) menggalakkan kerjasama antara Polis dan masyarakat untuk memerangi jenayah dan menyelaras aktiviti pencegahan jenayah.

Langkah-langkah pencegahan yang telah diambil setakat ini boleh dikatakan berkesan tetapi perlu dipertingkatkan lagi memandangkan kes-kes jenayah yang berlaku semakin kompleks dan sofistikated.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peranan-peranan yang diberi kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi masalah-masalah yang tersebut mengikut keadaan di negeri masing-masing?

Yang Kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mengizinkan Kerajaan Negeri ataupun memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri supaya melaksanakan undang-undang berdasarkan kepada undang-undang pentadbiran hukum syarak yang diberi kepada negeri masing-masing?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, organisasi ataupun kekuatan Polis telah diagihkan mengikut keperluan di semua negeri. Jadi, pasukan keselamatan di semua negeri adalah ditimbang secara saksama dan peranan Kerajaan Negeri boleh dikatakan kalau sekiranya mereka

boleh menyumbang iaitu dari segi kesedaran masyarakat dan juga dari segi usaha bersepadu yang dianjurkan oleh pihak Polis dan juga pasukan keselamatan yang lain.

Mengenai hukum syarak yang dibangkitkan, saya rasa apa yang selama ini telah dapat saya jawab ialah undang-undang pada masa ini telah kita guna dan pada masa ini kita nampak undang-undang yang sedia ada sejak merdeka sampai hari ini nampaknya berkesan. Jika ada apa-apa cadangan Kerajaan Negeri hendak buat, itu terpulang kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya berkenaan dengan jenayah yang ditanya begitu umum, termasuklah jenayah yang dilakukan di waktu pilihan raya. Apakah Yang Berhormat sedar di waktu pilihan raya kecil di Kampung Raja baru-baru ini, ada pihak terutamanya pihak penyokong parti Pembangkang mengganggu banyak ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Barisan Nasional yang boleh disifatkan sebagai suatu tindakan jenayah yang menyalahi di sisi undang-undang yang boleh menimbulkan perpecahan atau pun yang boleh memudaratkan masyarakat. Saya ingin tahu apakah tindakan pihak Kementerian Dalam Negeri pada masa akan datang untuk menjamin bahawa tidak ada pelanggaran jenayah yang dilakukan oleh pembangkang pada waktu pilihan raya kecil seperti di Kampung Raja baru-baru ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai pilihan raya kecil, pasukan Polis memang menjalankan tugas pada masa pilihan raya umum ataupun

pilihan raya kecil. Jika sekiranya terdapat apa-apa kegiatan yang dianggap melanggar undang-undang, maka laporan Polis perlu dibuat sebelum pihak Polis boleh siasat dan mengambil tindakan.

Dari segi pencegahan, memang pasukan Polis telah ditugas dan segala langkah pencegahan memang telah dirancang supaya tidak timbulnya apa-apa kacau-bilau ataupun sesuatu yang boleh memudaratkan ketenteraman awam. Itu adalah tugas wajib pasukan Polis dan sekiranya ada apa-apa komplek ataupun bukti, sila buat laporan Polis, barulah kita boleh siasat.

GERAI MAKANAN—LANGKAH MENINGKATKAN KEBERSIHAN

5. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah saman yang telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha gerai tepi jalan atas sebab kebersihan;
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian selain daripada mengeluarkan saman dalam menjaga kebersihan gerai-gerai di tepi jalan; dan
- (c) bolehkah semua Kerajaan-kerajaan Tempatan mereka bentuk gerai-gerai yang menggambarkan imej Malaysia dengan tidak seperti sekarang yang lebih bercorak tempatan dan kenegerian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyimpan data mengenai saman-saman yang telah dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha gerai tepi jalan bersabit kesihatan ataupun jenis-jenis kesalahan yang lain. Ini adalah kerana perkara ini terletak di bawah tanggung-jawab dan bidang kuasa tiaptiap Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

(b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi meningkatkan keadaan kebersihan gerai di tepi jalan. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kempen dan ceramah kebersihan kepada pengusaha gerai dan juga restoran;
- (ii) kempen juga ditujukan kepada pengguna supaya tidak mengunjungi gerai-gerai yang kotor;
- (iii) Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan mengadakan pemeriksaan berkala serta memberikan nasihat dan notis kepada gerai-gerai yang didapati kotor atau tidak mencapai standard kebersihan yang diperlukan. Seterusnya amaran atau denda akan dikenakan ke atas gerai yang tidak mematuhi notis kebersihan yang dikeluarkan;

- (iv) Pihak Berkuasa Tempatan juga mengadakan pemusatan atau penempatan semula gerai-gerai yang bertaburan di tepi jalan ke satu tempat yang lebih bersih dan selesa serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti air, api elektrik dan lain-lain; dan
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan juga mengadakan pertandingan di antara premis-premis makanan mengikut kategori-kategori tertentu dan hadiah diberikan kepada pemenang dalam bentuk wang tunai, barangan ataupun diberikan insentif tuntutan seperti pengecualian bayaran lesen dan lain-lain bentuk galakan.
- (c) Pada masa sekarang, gerai-gerai yang dibina adalah berdasarkan kreatif dari segi reka bentuk pada pandangan Pihak Berkuasa Tempatan ataupun pengusaha gerai itu sendiri. Reka bentuk yang kadangkala bercorak kenegerian ataupun tempatan yang menarik akan dapat menarik pelancong sama ada dari luar negeri atau domestik untuk singgah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya memberikan garis panduan supaya bangunan gerai yang dibina adalah selesa dan sesuai untuk pengusaha dan pelanggan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menganggap bahawa penjaja-penjaja di tepi jalan itu, makanannya adalah tidak begitu sihat dan dianggap kotor maka

tindakan-tindakan daripada pihak kerajaan tempatan menghalaukan mereka ke tempat yang tertentu itu? Adakah ini satu dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

Yang kedua, kalau mereka tidak dianggap menyediakan makanan yang dijual oleh gerai-gerai di tepi jalan itu kotor atau tidak bersih, maka mengapa mereka kena dipindah? Dan saya ingin tahu sama ada polisi-polisi ini akan dijalankan, akan dikuatkuasakan oleh semua pihak kerajaan tempatan? Kalau tidak, mengapa hanya di bandar Ipoh di mana atas nama untuk "Mengindahkan Kawasan-kawasan Tempatan" itu dibersihkan semua penjaja-penjaja bukan sahaja di tepi jalan tetapi juga di lorong-lorong belakang? Apakah sifatnya?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, matlamat pertama ialah kebersihan dan kesihatan umum. Sekiranya penjaja-penjaja didapati tidak menjalankan tanggungjawab seperti yang digarispanduakan, maka Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan. Itu penting bagi kesihatan umum.

Yang kedua, ia dilaksanakan kerana menentukan keselesaan dan kesesuaian tempat, termasuk menentukan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan ada di tempat-tempat berkenaan seperti kemudahan api, air, air panas, tandas awam dan sebagainya, selain daripada menentukan supaya kecantikan bandar dapat dilaksanakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah, sebelum itu secara latar belakang, selepas kita makan, kalau kita kenyang, kita pergi bilik air dan kita lepaskan. Baru-baru ini Kerajaan telah membuat satu undang-undang pembedungan

yang melibatkan semua Kerajaan Tempatan di seluruh Malaysia iaitu kita buat undang-undang untuk kemudahan selepas makan. Adakah undang-undang boleh dibuat semasa makan? Maksud saya, gerai-gerai, sebab ini melibatkan kesihatan secara keseluruhan, apakah boleh kita buat satu undang-undang yang selaras sebab kedatangan pendatang-pendatang tanpa diizinkan sekarang. Pertamanya, gerai-gerai adalah gerai bergerak dan keduanya, gerai-gerai yang tidak bergerak. Yang bergerak ini yang cukup bahaya. Ia datang sekejap, lepas itu ia lari, guna lori dan sebagainya. Kita tidak boleh kawal. Jadi, kalau ada satu gerai yang macam PLUS buat itu ataupun Kementerian Perusahaan Awam buat macam itu—Rest Ria, apa nama, saya kurang pasti. Macam itu bentuknya di tepi jalan juga, highway juga cantik. Jadi, kita pastikan bahawa gerai-gerai ini dibuat dengan begitu cantik. Kalau Kementerian Pelancongan telah ceritakan, sebab Malaysia adalah negara yang terkenal kerana tempat makan paling banyak di dunia dibuka 24 jam. Kalau ia diceritakan macam itu, orang mari makan dan tengok tidak seperti yang diceritakan, ini tidak menjadi. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang yang sama seperti pembedaan tadi berhubung dengan makan, termasuk gerai-gerai makan yang saya maksudkan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya garis panduan telah dibuat untuk menentukan supaya bentuk gerai yang dibangunkan mengikut garis panduan seperti keselesaan, kebersihan dan sebagainya, termasuk menentukan supaya tempat itu besar dan luas untuk menyediakan

makanan dan juga menentukan supaya dapat disediakan meja dan kerusi dan sebagainya untuk pelanggan-pelanggan.

Dari segi kebersihan, pihak Kementerian Kesihatan sememangnya ada memberikan garis panduan mengenai kebersihan dan penyediaan makanan. Jadi, saya rasa syarat-syarat itu sekiranya dipenuhi akan membolehkan persediaan makanan dan makanan yang disajikan itu menepati kehendak pelanggan.

LIMA '93 DI LANGKAWI— JUMLAH KOS

6. Datuk Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah jumlah kos keseluruhan untuk menganjurkan LIMA '93 di Langkawi. Apakah kesan yang dapat diperolehi oleh Malaysia setelah selesai LIMA '93, dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan acara ini di luar Pulau Langkawi seperti mengadakannya di Labuan demi untuk meningkatkan lagi imej Labuan sebagai IOFC.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan pameran LIMA '93 adalah ditanggung oleh pihak swasta dan juga Kerajaan. Kerajaan cuma membiayai kos pengangkutan dan saraan bagi kakitangan yang terlibat dalam usaha Kerajaan menyokong pameran tersebut. Pembiayaan Kerajaan juga meliputi kos penginapan tetamu-tetamu Kerajaan yang telah diundang khas untuk menyaksikan pameran ini dan perbelanjaan majlis-majlis keraian. Untuk membiayai tanggungan Kerajaan ini, Perbendaharaan telah memberikan peruntukan sebanyak RM4.7 juta.

Pameran LIMA '93 ini akan memberi banyak faedah-faedah kepada negara khususnya Langkawi. Di antaranya ialah:

- (i) Malaysia khususnya Pulau Langkawi akan menjadi lebih terkenal sebagai salah satu pusat pameran bertaraf antarabangsa;
- (ii) menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini khususnya di dalam bidang aerospace dan maritim;
- (iii) Langkawi akan membangun bukan sahaja sebagai pusat pelancongan malahan sebagai pusat komersil; dan
- (iv) pengaliran masuk wang asing ke Malaysia hasil daripada penyertaan syarikat-syarikat luar negara dalam LIMA '93 dan berbagai-bagai perbelanjaan lain yang dibuat di negara ini.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pameran ini di luar Langkawi buat pada masa ini.

BAS MINI—MENARIK BALIK PERMIT

7. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan permit bas yang ditarik balik kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan;
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk menarik balik kesemua permit bas mini yang beroperasi di Kuala Lumpur; dan
- (c) bilakah program laluan baru bas-bas mini akan dikuatkuasakan.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan permit bas mini yang ditarik balik kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan sehingga 30-9-93 ialah sebanyak 7 permit.
- (b) Kerajaan bercadang untuk menarik balik semua permit bas mini yang beroperasi di Kuala Lumpur dan sekitarnya yang tidak diuruskan mengikut peraturan dan undang-undang yang telah dan akan ditetapkan dari masa ke semasa.
- (c) Program laluan baru bas mini akan hanya dikuatkuasakan setelah syarikat-syarikat baru yang dipilih bersedia menjalankan operasinya di laluan-laluan tertentu. Program laluan baru tersebut akan menjadikan bas mini sekarang sebagai perkhidmatan suaan (feeder service) kepada bas-bas lain dan sebagainya.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini banyak kedapatan bahawa pelanggan-pelanggan bas ini menghadapi kecederaan dan sebagainya disebabkan oleh kekasaran pemandu bas yang berkenaan. Akhirnya ada seorang pelancong dari Singapura yang mengalami patah kaki dan patah pinggang. Jadi, adakah Kerajaan bercadang menarik balik atau mengambil tindakan yang sewajarnya kepada pemandu tersebut dan juga kepada pemegang permit bas berkenaan?

Satu lagi, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan alternatif kepada bas mini untuk memudahkan masyarakat di Wilayah Persekutuan ini dari segi pengangkutan?

Yang ketiganya, berapakah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dua sahaja. Saya benarkan dua sahaja.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: dan Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah. Yang kedua itu cukuplah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sambungan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, sudah panjanglah itu.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tingkah-laku pemandu-pemandu walaupun ia merupakan perkara yang berkaitan dengan sudut undang-undang yang bukan di bawah Lembaga Pelesenan, tetapi Lembaga Pelesenan sedang berusaha melihat perkara ini supaya ia dapat dikaitkan dengan pengurusan pengusaha permit. Lembaga sedang membuat satu draf baru iaitu kalau sekiranya terdapat tingkah-laku ataupun perangai pemandu atau mereka yang bekerja dengan mana-mana syarikat yang mengusahakan pengangkutan ini dianggap sebagai perkara yang dipertanggungjawabkan ke atas syarikat itu yang dianggap sebagai cuai dan tidak melaksanakan syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga Pelesenan. Di bawah peraturan sekarang perangai ataupun

tingkah-laku pemandu belum dimasukkan sebagai salah satu daripada syarat. Tetapi draf yang disediakan sekarang ini akan dimasukkan sebagai satu perkara yang mesti dipenuhi oleh syarikat yang mengusahakan perusahaan yang berkenaan.

Mengenai dengan sama ada bas mini akan menjadi alternatif bagi mengatasi masalah di dalam bandaraya, memang sebenarnya perkhidmatan bas mini ini sudahpun menjadi satu alternatif kepada beberapa syarikat pengangkutan yang lain seperti bas berhenti-henti dan teksi. Walau bagaimanapun, oleh kerana jumlah unit bas mini di dalam bandaraya terpaksa dikawal melihat kepada perkembangan kesibukan lalu-lintas di bandaraya, maka jumlah unit bas mini akan dkecilkan dan diganti dengan satu perkhidmatan baru yang jumlah unitnya lebih kecil tetapi boleh memuatkan penumpang yang lebih ramai.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian sedar bahawasanya ada sebahagian bas mini yang sedang beroperasi di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan khususnya, didapati di dalamnya kotor seolah-olah tidak pernah dibersihkan pada hari sebelumnya untuk beroperasi pada keesokkan harinya. Kadang-kadang di luarnya juga kotor. Apakah Kerajaan telah sedar, dan jika sedar apakah Kerajaan bercadang untuk mengatasi persoalan-persoalan seperti ini.

Saya juga dapati ada pemandu-pemandu bas mini yang merokok. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan kepada pemandu-pemandu bas mini daripada merokok semasa bas sedang beroperasi.

Yang ketiga, adakah Kerajaan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukup.

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terdapat bas mini di Kuala Lumpur ini kotor tetapi ia lebih bersih daripada bas yang beroperasi di Kota Bharu, Kelantan (*Ketawa*) sejak daripada tahun 1990. Walau bagaimanapun, kekotoran yang ada, kalau ada, sebenarnya merupakan satu perkara yang sudah dipertingkatkan kualitinya memandangkan kepada beberapa kursus yang telah dibuat oleh pihak Lembaga Pelesenan kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam di Kuala Lumpur iaitu dengan memberikan insentif kepada pengusaha yang bersih dan yang menjalankan pengurusan yang baik akan diberi peluang untuk membesarkan operasi pengangkutan mereka sebagai satu insentif.

Mengenai dengan pemandu yang merokok ini, saya tidak pasti sama ada mereka yang merokok ini kerana melihat ada pemandu di Kota Bharu yang merokok. Kalau sekiranya ini menjadi pemandu di Kota Bharu selepas tahun 1990, saya akan ingatkan mereka supaya jangan ikut panduan perokok-perokok di Kota Bharu selepas 1990, ikut arahan daripada Perdana Menteri iaitu kita mesti menggunakan etika yang tinggi di dalam semua bidang termasuk pemandu mesti tidak merokok semasa memandu.

PROJEK HIDRO-ELEKTRIK— KAJIAN KEMUNGKINAN (FEASIBILITY STUDY)

8. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah kajian kemungkinan (feasibility study) atas projek

Bakun 16,000MW akan diumumkan untuk dikaji oleh orang awam;

- (b) sama ada EIA projek berkenaan telah disiapkan dan bilakah ia akan diumumkan untuk diperiksa oleh orang awam;
- (c) syarikat yang manakah yang terlibat di dalam projek ini dan berapa kos yang telah berbangkit setakat ini; dan
- (d) adakah kerja pembinaan dan peralatan projek ini akan diagihkan berasaskan tender terbuka.

23. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilangan penduduk-penduduk di kawasan Ulu Rejang yang akan dipindahkan oleh kerana pelaksanaan projek Hidro Elektrik Bakun;
- (b) di mana dan bila mereka akan dipindah;
- (c) keluasan semua kawasan tanah yang diberi kepada mereka dan untuk tiap-tiap satu keluarga yang dipindah; dan
- (d) bila tuntutan pampasan tiap-tiap keluarga yang dipindahkan diproses dan akan dibayar.

20-10-93

12. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah laporan kajian ke atas Projek Empangan Hydro Elektrik Bakun akan diberi

kepada orang ramai untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat Malaysia;

- (b) bilangan penduduk-penduduk tempatan yang akan terpaksa berpindah untuk Projek HEP dijalankan, dan ke manakah mereka akan dipindahkan;
- (c) bagaimanakah projek ini akan dibiayai, adakah pinjaman luar negeri akan didapati, dan apakah "internal economic return" dari projek ini; dan
- (d) adakah kajian EIA telah dibuat, dan jika tidak, siapakah akan menjalankannya, dan bilakah laporan EIA boleh didapati oleh orang ramai.

28-10-93

25. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai apakah perancangan dan pelaksanaan bagi projek yang bernilai RM31.2 bilion, Projek Hidro Bakun. Senaraikan negara-negara asing yang akan terlibat dalam projek ini serta peratusan ekuiti yang mereka pegang.

4-11-93

3. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Projek Hidro Bakun akan dimulakan dan kos keseluruhan projek tersebut. Berapakah bilangan orang yang terpaksa ditempatkan semula dan jumlah wang pampasan yang terpaksa dibayar kepada penduduk-penduduk tempatan yang terlibat. Apakah usaha-usaha Kerajaan supaya masalah-masalah yang timbul di Hidro-Batang Ai tidak akan berulang semula di Hidro-Bakun.

15-11-93

3. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai dengan projek Hidro-Bakun:

- (a) apakah beza dan kelebihannya jika dibandingkan dengan yang dicadangkan pada awal tahun lapan puluhan; dan
- (b) sama ada kajian E.I.A. sedang atau sudah siap dibuat. Jika sudah, adakah Kerajaan bercadang mengumumkannya kepada orang ramai.;

5. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapa banyak wang yang terlibat dalam pembinaan Empangan Bakun di Sarawak;
- (b) nama-nama bank yang memberi bantuan kewangan terhadap projek mega ini;
- (c) bilakah projek mega ini akan bermula dan bilakah projek ini akan selesai; dan
- (d) apakah program untuk menempatkan penduduk-penduduk yang terlibat dan adakah Kerajaan sedia mengganti rugi mereka dengan membayar pampasan wang.

18-11-93

27. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian bersedia untuk mengumumkan laporan pengajian terhadap projek mega Hidro Elektrik Bakun di Sarawak. Kalau tidak, mengapa tidak.;

- (b) sama ada Kementerian beliau ingin mengumumkan nama syarikat dan negara yang terlibat dalam penyediaan laporan pengkajian tersebut;
- (c) adakah laporan itu dikelaskan sebagai dokumen rahsia dan sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi; dan
- (d) sama ada Kementerian beliau bersedia untuk mendengar atau mengadakan dialog/seminar dengan mereka yang terlibat khususnya mereka yang tinggal di sepanjang Sungai Rajang sebelum melaksanakan projek mega ini.

22-11-93

2. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada keputusan muktamad telah dibuat tentang penempatan penduduk yang terjejas oleh projek Hidro-Bakun nanti; dan
- (b) apakah langkah yang telah/akan diambil oleh Kerajaan untuk menyakinkan mereka yang akan terlibat dalam perpindahan tersebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Baram hari ini iaitu pada 18-10-93; Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 20-10-93; Yang Berhormat daripada Santubong pada 28-10-93; Yang Berhormat dari Lubok Antu pada 4-11-93; Yang Berhormat daripada Hulu Rajang pada 15-11-93 dan 22-11-93 dan Yang Berhormat daripada Lanang pada 15-11-93 dan 18-11-93.

Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian yang telah dijalankan ke atas projek Empangan Hidro Elektrik Bakun adalah kajian-kajian kemungkinan dan kajian design. Tidak terdapat perbezaan dalam design empangan di antara kajian-kajian dalam tahun 80-an dengan sekarang. Setakat ini sebanyak 17 kajian telah dijalankan. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa projek Hidro Elektrik Bakun adalah berdaya maju dari segi aspek teknikal dan kewangan dengan internal economic rate of return, dengan izin sebanyak 12%. Pakar runding-pakar runding yang telah membuat kajian ini adalah dari negara-negara Germany, Switzerland, Brazil dan lain-lain negara asing.

Kajian-kajian ini adalah ditarafkan sebagai dokumen sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi dan dengan demikian tidak diedarkan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, sekiranya orang ramai memerlukan maklumat am mengenai projek ini, ianya boleh diperolehi dari makalah yang bertajuk dengan izin, "Project Information—Bakun Hydro—electric Project" yang telah dikeluarkan oleh Kementerian saya pada Mac 1986.

Tuan Yang di-Pertua, kajian awal kesan terhadap alam sekitar bagi Projek Haidro-elektrik Bakun pernah dibuat oleh Syarikat Summer Consortium pada tahun 1983, apabila Consortium tersebut membuat kajian kemungkinan ke atas projek tersebut. Kajian ini telah pun diterima oleh Jabatan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, satu kajian terperinci kesan kepada alam sekitar akan dilaksanakan seperti dikehendaki di bawah, dengan izin, Environmental Quality Act 1974. Kerajaan sehingga sekarang belum lagi melantik mana-mana pihak untuk menjalankan kajian terperinci kesan kepada alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini berupaya menjana sebanyak 2,400 megawatt tenaga elektrik untuk dibekalkan kepada Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Projek ini akan dimulakan pembinaannya pada tahun 1994 dan akan beroperasi di Abad yang akan datang. Projek ini juga akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat khas yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan. Kerja-kerja pembinaan dan perolehan peralatan projek ini akan diuruskan berasaskan kepada tender terbuka.

Berdasarkan anggaran yang dibuat pada tahun 1992, Projek Bakun akan menelan belanja sebanyak RM9,440 juta. Kos ini termasuk kos kerja sivil, sistem penghantaran (High Voltage Direct Current) (HVDC) ke Semenanjung Malaysia dan sistem penghantaran (High Voltage Alternating Current) (HVAC) ke Sarawak dan Sabah. Memandangkan kosnya yang amat tinggi, projek ini akan memerlukan pelaburan bersama dari agensi-agensi seperti Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (SESCO), Lembaga Letrik Sabah (LLS), Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Konsortium tempatan dan antarabangsa dari sektor swasta. Sama ada pinjaman luar negeri akan dibuat, akan bergantung ke atas keupayaan kewangan syarikat yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan untuk melabur dalam projek tersebut. Institusi kewangan yang akan menyumbang kepada projek ini belum lagi dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan Projek Bakun adalah dianggarkan sebanyak 5,500 penduduk yang terdiri daripada 15 suku kaum akan dipindah dan ditempatkan semula.

Program untuk menempatkan semua penduduk yang terlibat termasuk bila dan di mana mereka akan dipindahkan, luas kawasan tanah serta bayaran pampasan akan diselaraskan sebaik sahaja satu kajian terperinci mengenai aspek-aspek pemindahan dan penempatan semula dibuat. Di samping itu data-data asas sosio-ekonomi perlu dikutip bagi membantu usaha penempatan semula serta mewujudkan aktiviti sosio-ekonomi yang sesuai. Langkah-langkah yang sesuai akan diambil bagi menyelesaikan masalah pemindahan dan penempatan semula penduduk.

Sesi-sesi penerangan dan dialog akan diadakan dengan penduduk-penduduk tempatan, untuk menerangkan kepada mereka hasrat Kerajaan untuk membangunkan kawasan tersebut dan objektif penempatan semula penduduk adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Adalah diharapkan bahawa penduduk-penduduk yang ditempatkan semula akan menikmati taraf hidup yang lebih baik di samping dibayar pampasan yang berpatutan.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada disebut bahawa internal rate of return adalah sebanyak 12%. Kadar ini adalah agak rendah, hanya 2% sahaja di atas bankability, dengan izin, projek ini. Adakah kerendahan ini disebabkan oleh andaian yang mana out put ataupun kuasa elektrik itu hanya akan diberi ke Sarawak, Sabah dan Semenanjung? Adakah diambil andaian bahawa kuasa ini akan dieksport ke Singapura dan juga Indonesia. Adakah dengan adanya eksport ke luar negara Malaysia internal rate of return akan meningkat? Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun internal rate of return ini hanyalah 12%, tetapi dalam jangka masa yang panjang, maka projek ini akan menjadi satu projek yang agak viable, dengan izin. Tetapi oleh kerana internal rate of returnnya begitu rendah, maka projek ini perlulah dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga oleh pihak swasta. Kemungkinan daripada segi generation dilaksanakan oleh Kerajaan dan transmissionnya daripada Sarawak ke Semenanjung dilaksanakan oleh swasta. Bagaimanapun perkara-perkara ini masih lagi dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ada juga yang membangkitkan berkenaan dengan masalah projek ini, oleh kerana internal rate of returnnya begitu rendah, sama ada projek ini perlu dilaksanakan.

Saya merasakan bahawa projek ini dilaksanakan selain daripada membekalkan elektrik ke Semenanjung ia juga akan dapat memberikan satu tarikan kepada pelabur-pelabur untuk pergi ke Sabah dan Sarawak, oleh kerana adanya bekalan elektrik yang memuaskan dengan kadar tariff yang boleh kita rendahkan daripada apa yang ada di Sabah dan Sarawak pada masa ini.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya adakah benar pada tahun 1986, pada masa Projek Bakun I digantung, di masa itu sebab yang diberi oleh Kerajaan bukan hanya kerana kemelesetan ekonomi pada masa itu, tetapi juga oleh sebab pandangan orang ramai mengenai kesan yang buruk kepada alam sekitar dan juga kemusnahan tempat kediaman Orang Asli di Sarawak. Jadi, mengapa Kerajaan sekarang tidak mengendahkan bantahan orang awam itu?

Yang kedua, saya ingin tahu apakah keperluan untuk menyalurkan tenaga elektrik dari Bakun ke Semenanjung? Kerana kita nampak kesan kalau ada earth movement di Laut China Selatan, adakah ini bertentangan dengan dasar tenaga Kerajaan yang baru-baru ini diumumkan bahawa kita akan menggunakan lebih banyak gas daripada komoditi lain? Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi penggunaan gas sekiranya kita tidak dapat menemui telaga-telaga gas yang baru, kawasan-kawasan gas yang baru, maka kemungkinan gas yang ada di negara kita akan kehabisan di antara 40-50 tahun yang akan datang.

Selain daripada itu, suka saya menyebut berkenaan dengan perbandingan projek di Bakun dengan projek yang lain di negara kita contohnya adalah seperti berikut:

	<i>Keupayaan (megawatt)</i>	<i>Kawasan takungan air (km persegi)</i>	<i>Kawasan yang ditenggelami (ekar)</i>
Projek Bakun	2,400	65	171,700
Empangan Kenyir	400	370	91,400
Empangan Temengor	348	150	37,100

Jika kita bandingkan dengan ampangan-ampangan yang ada di negara-negara lain, Projek Bakun di Malaysia dengan kapasiti 2,400 megawatt, kawasan takungan air ialah 695 kilometer persegi dan penduduk yang diresettle ataupun dipindahkan 4,300 orang.

	<i>Keupayaan (megawatt)</i>	<i>Kawasan takungan air (km persegi)</i>	<i>Kawasan yang ditenggelami (ekar)</i>
Empangan "Sumbho" di Ghana	850	8,500	70,000

	<i>Keupayaan (megawatt)</i>	<i>Kawasan takungan air (km persegi)</i>	<i>Kawasan yang ditinggalkan (ekar)</i>
Empangan Aswan di Egypt	2,400	5,800	90,000
Empangan di Zambia	1,500	—	57,000
Empangan Tarbela di Pakistan	2,100	—	86,000
Empangan Artartuk di Turkey	2,400	—	55,000

Tuan Yang di-Pertua, daripada perbandingan ini nampaklah kepada itu Projek Bakun di Malaysia 2,400 megawatt, penduduk yang dipindahkan hanyalah 4,300 orang.

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ini adalah kawasan saya, saya ingin bertanya soalan tambahan. Pertama, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah projek ini dapat dimulakan pada tahun depan sedangkan beberapa perkara belum diselesaikan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jumlah penduduk yang terlibat ialah 4,300 orang tetapi dalam jangkaan saya jumlah yang terlibat hampir 8,000 orang ataupun 10,000 orang. Apa yang lebih penting ialah 8,000 ini adalah terdiri daripada kaum yang tertentu yang tidak terdapat di dunia yang lain, hanya di sini. Jika disebut jumlah 50,000 atau 70,000 orang di tempat yang lain, saya ingat ini tidak relevant. Dengan izin, we are dealing with groups yang hanya terdapat di tempat ini seperti orang Bukit, Lahanan, Kejaman, kaum Kayan dan Kenyah yang tidak terdapat di tempat yang lain. Apa yang saya ingin bertanya di sini ialah perkara seperti detailed EIA yang Timbalan Menteri sebutkan tadi belum selesai, dan

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya, Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Soalnya ialah, keputusan muktamad tentang penempatan dan pampasan belum diselesaikan sedangkan Kerajaan hendak menjalankan kerja Hidro ini pada tahun depan. Bagi pihak penduduk di sana, saya ingin bertanya, ada perkara yang belum diselesaikan tetapi kerja hendak dimulakan tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Soalnya ialah bagaimana hendak mengatasi masalah itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apabila Kerajaan menetapkan bahawa projek ini akan dimulakan tahun hadapan, maka bermakna semua agensi-agensi yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini perlulah mengambil tindakan yang segera untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh projek ini. Itulah sebabnya saya mengatakan tadi bahawa kajian masih lagi dalam proses, sama ada daripada segi kajian impact ke atas, dengan izin, environment atau pun kajian daripada segi perpindahan. Jika kita sebut berkenaan dengan perpindahan, sebenarnya saya sendiri pun terlibat dengan penduduk di kawasan saya berpindah apabila Kerajaan melaksanakan projek Empangan Temengor di Grik yang besarnya 348 megawatt. Saya juga terlibat dengan tiga perkampungan Orang Asli yang besar iaitu Pos Kemar dan Banun dipindahkan dan penduduk-penduduk daripada kampung asal Temengor dipindahkan ke Ganda Temengor.

Tuan Yang di-Petua, sebagaimana saya sebutkan tadi, walaupun ada perpindahan, Kerajaan akan memastikan bahawa perpindahan ini tidak akan mengakibatkan kepada kemelesetan ekonomi kepada penduduk yang dipindah dan juga tidak akan melibatkan kesengsaraan kepada mereka. Satu-satu tindakan yang positif akan diambil untuk memastikan bahawa ekonomi mereka tidak akan meleset selepas mereka berpindah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 28 akan diilid dalam buku berasingan).

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Banjir Kilat di Melaka

3.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menanggungkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu bencana banjir kilat di Melaka sama ada terdapat hujan lebat atau tidak, ianya menjejaskan kehidupan 1,000 keluarga dan Usul saya berbunyi:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Lim Guan Eng

menanggungkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah 1,000 keluarga di Melaka yang terjejas dari banjir kilat sama ada terdapat hujan lebat atau tidak dan Kerajaan Pusat memberikan bantuan kepada mereka kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak hujan lebat turut di kawasan Masjid Tanah dan Durian Tunggal, Negeri Melaka dilandai masalah banjir. Air setinggi sekaki hingga 5 kaki membanjiri kawasan Masjid Tanah, Melaka Pindah, Kampung Beringin di kawasan Alor Gajah, Batu Hampar, Kampung Gangsa, Kelubung, Taman Melaka Baru, Taman Masa Merdeka, Taman Bacang Baru di kawasan Batu Berendam dan kawasan bandar seperti Kampung Moten, Jalan Tun Ali, Jalan Pengkalan Lembah Pantai, Taman Malim Jaya dan Pantai Peringgit. Apa yang menghairankan ialah hujan lebat tidak turun di banyak dari kawasan tersebut seperti Taman Masa Merdeka, Taman Malim dan kawasan bandar yang dibanjiri air.

Sebagai contoh, sungguh pun cuaca baik semalam dan tidak setitik pun hujan turun, kawasan tersebut masih dibanjiri air. Malah dalam anjuran Walkathon DAP, Ulang Tahun Kesepuluh Menyelamatkan Bukit China sepanjang 33 km dari Pulau Sebang ke Bukit China semalam, peserta-peserta hampir terpaksa berenang menuju ke kawasan bandar. Tetapi yang paling susah ialah mangsa banjir tersebut, mereka tidak dapat menerima hakikat dilandai banjir apabila hujan lebat tidak turun. Tindakan Kerajaan Negeri Melaka sungguh tidak memuaskan, setakat meminta kerja pembinaan empangan

dan tiga terusan menghala ke laut mengatasi masalah ini disegerakan, sungguh pun ia dijadualkan siap pertengahan tahun ini. Jelas sekali, banjir kilat berlaku kerana perancangan perairan yang tidak baik dan pembangunan yang membabi-butakan tanpa menghiraukan perlunya membentuk sistem pengairan yang kemaskini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih menyedihkan ialah keengganan Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan dari Tabung Bencana Alam kepada setengah mangsa banjir kilat tersebut kerana air banjir bukan disebabkan oleh hujan lebat tetapi oleh sistem pengairan yang kurang baik. Malah terdapat kes di Taman Malim Jaya di mana pihak Kerajaan enggan membenarkan air yang pasang mengalir keluar demi menyelamatkan mesin pihak kontraktor. Sikap sambil lewa dan tidak ambil berat masalah mangsa banjir ini menyebabkan ramai mangsa hilang kepercayaan terhadap Kerajaan Negeri dan perlukan bantuan Kerajaan Pusat untuk meringankan beban yang dihadapi oleh mereka. Campur tangan Kerajaan Pusat ini adalah perlu untuk menghalang berulangnya banjir ajaib yang berlaku sungguh pun tidak ada hujan lebat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Kota Melaka pada jam 10.07 pagi ini. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua,

hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan ia bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Keadaan banjir itu adalah berlaku dan apa-apa cadangan atau syor untuk memperbaiki keadaan boleh di mana-mana masa pun dikemukakan kepada Kerajaan. Selain daripada itu, banjir ini adalah bencana alam dan kerja bukanlah boleh dibuat dengan serta-merta.

Selain dari itu, saya diberitahu bahawa bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat telah pun diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka. Ada 12 keluarga lagi yang masih berada di tempat pemindahan. 64 keluarga sudah pun pulang ke rumah masing-masing. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) (No. 2) 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan

Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan lanjutan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang-orang yang sedang bekerja, untuk menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CAP DAGANGAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan-perubahan serta perkembangan-perkembangan terbaru yang melibatkan bidang harta intelek di arena antarabangsa ini sedikit sebanyak telah memberi kesan ke atas perundangan mengenai perlindungan Cap Dagangan. Di antaranya termasuklah rundingan-rundingan Uruguay Round mengenai GATT atau General Agreement of Tariff and Trade, perbincangan-perbincangan mengenai harmonisasi undang-undang cap dagangan oleh World Intellectual Property Organisation (WIPO) dan MATRADE Protocol iaitu International Registration of Marks.

Sebagai ahli Konvensyen Paris dan WIPO semenjak 1hb Januari 1989, Malaysia tidak ketinggalan mengikuti perkembangan-perkembangan terbaru ini. Sudah tiba masanya Akta Cap Dagangan 1976 dipinda supaya ia selaras dengan amalan dan perkembangan Cap Dagangan semasa dan juga peruntukan-peruntukan Konvensyen Paris.

Selain daripada itu, beberapa peruntukan Akta juga dicadang dipinda bagi memudahkan pemerosesan dan

pendaftaran permohonan cap dagangan serta meningkatkan dan mengemaskini sistem pendaftaran cap dagangan selaras dengan kemajuan di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Cap Dagangan 1976 adalah diklasifikasikan seperti berikut:

- (i) pindaan-pindaan supaya selaras dengan Konvensyen Paris;
- (ii) pindaan-pindaan substantive;
- (iii) pindaan-pindaan untuk memudahkan prosedur;
- (iv) pindaan-pindaan bersifat drafting bagi:
 - (a) pembedulan ejaan;
 - (b) penyelarasan peruntukan Akta dengan peruntukan peraturan; dan
 - (c) menjelaskan tujuan beberapa peruntukan di dalam Akta
- (v) pindaan-pindaan berbangkit atau consequential.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan yang berkaitan dengan Konvensyen Paris adalah seperti berikut:

Seksyen 3(1) dicadangkan dipinda bagi memperluaskan takrif "cap dagangan" supaya ia meliputi bukan sahaja cap yang berhubung dengan barang-barang tetapi juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan. Tidak boleh dinafikan bahawa sektor perkhidmatan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi negara ini. Cap-cap perkhidmatan yang ada mampu

menunjukkan dan membezakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh berlainan syarikat atau individu melalui cap yang distinktif. Dengan adanya perlindungan yang secukupnya kepada sektor perkhidmatan yang ada, ia boleh menjadi satu daya tarikan bagi syarikat luar negeri untuk beroperasi di Malaysia.

Pindaan kepada seksyen 70 dicadangkan untuk mengadakan peruntukan bagi hak keutamaan di Malaysia mengenai permohonan bagi pendaftaran jika permohonan bagi perlindungan telah dibuat di negara konvensyen atau negara asing ditetapkan. Hak keutamaan itu bergantung pada adatnya permohonan bagi pendaftaran itu dan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh permohonan di negara Konvensyen atau negara asing ditetapkan yang berkenaan dan bahawa tuan punya cap dagangan itu tidak boleh mendapat ganti rugi bagi pelanggaran yang berlaku sebelum dari tarikh permohonan untuk mendaftarkan cap dagangan itu di Malaysia.

Seksyen 70A baru yang dicadangkan ialah untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan cap dagangan yang dipamerkan di pameran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang seterusnya adalah pindaan-pindaan substantive. Peruntukan baru di seksyen 3 adalah mengenai tafsiran perkataan "spesifikasi" bagi memudahkan rujukan seksyen 43 mengenai pembedulan berdaftar. Cadangan pindaan kepada seksyen 4(1) ialah untuk memperuntukkan perlantikan Pendaftar dibuat oleh Menteri.

Seksyen baru 5(2A) dicadangkan diperkenalkan bagi mengadakan peruntukan bagi penubuhan Pejabat Cawangan Cap Dagangan.

Seterusnya seksyen 14 dicadang dipinda supaya sesuatu cap atau bahagian cap tidak didaftarkan jika ia mempunyai salah satu daripada kualiti yang disebutkan dalam seksyen itu.

Perenggan baru 14(c) dimasukkan untuk memberi Pendaftaran kuasa untuk menolak permohonan bagi pendaftaran cap atau sebahagian cap atas alasan kepentingan atau keselamatan negara.

Pindaan seterusnya, adalah pengenalan perenggan baru 31(2) (c) yang merupakan tambahan kepada sebab-sebab kelewatan pendaftaran sesuatu cap dagangan.

Pengenalan seksyen kecil baru ini akan membolehkan pendaftaran cap dagangan dibuat sekiranya kelewatan tersebut adalah atas sebab tindakan pihak Pejabat Pusat Cap Dagangan atau mana-mana pejabat cawangan cap dagangan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang seterusnya adalah pindaan mengenai fee dengan terpindanya seksyen 41(2). Fee adalah dikenakan bagi pembaharuan pendaftaran dan kemasukan semula pendaftaran cap dagangan yang telah luput. Peruntukan baru seksyen 41(3) diperkenalkan bagi melarang pembaharuan jika permohonan bagi pembaharuan itu dibuat setelah luput tempoh satu tahun dari tarikh tamatnya pendaftaran yang akhir.

Seksyen 77 yang berkaitan dengan perlanjutan masa dicadang dipinda bagi mengenakan fee untuk perlanjutan masa dan juga menetapkan seksyen-seksyen di mana perlanjutan masa tidak boleh dipertimbangkan.

Pindaan yang berikutnya adalah mengenai perlantikan agen atau pemohon asing dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh agen yang

berkenaan. Dengan pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen 79 dan 80, peruntukan mengenai perlantikan agen oleh pemohon asing dan syarat-syarat berkenaannya menjadi lebih jelas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan seterusnya adalah merupakan pindaan-pindaan untuk memudahkan prosedur. Cadangan pindaan kepada seksyen 28 ialah untuk menghapuskan fungsi Pejabat Pos Pendaftar. Dengan pindaan tersebut, pemohon bagi pendaftaran sesuatu cap dagangan dan pembangkang akan berhubung secara langsung antara satu sama lain dan tidak melalui Pendaftar seperti amalan sekarang. Tetapi pembangkang dan pemohon wajib memberitahu Pendaftar tentang notis bangkangan dan pernyataan balas.

Seksyen baru 28(3) seterusnya menghuraikan prosedur baru bangkangan yang lebih ringkas di mana di bawah seksyen 28(4) yang baru, Pendaftar boleh membuat keputusannya dengan menimbang hujah bertulis daripada pemohon dan pembangkang.

Pindaan yang seterusnya adalah pindaan kepada seksyen 32(1) bagi menggantikan tempoh 7 tahun yang diberikan untuk pendaftaran sesuatu cap dagangan kepada 10 tahun bagi memudahkan kepada pembaharuan pendaftaran. Sehubungan dengan itu, seksyen 41(1) yang memperuntukkan tempoh 14 tahun untuk pembaharuan pendaftaran dicadang dipinda kepada 10 tahun juga.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 46 pula dicadang dipinda supaya permohonan oleh seseorang yang terkilan atau aggrieved person, dengan izin, untuk mendapatkan perintah menghapuskan sesuatu cap dagangan dari daftar dibuat kepada mahkamah. Buat masa ini, pihak yang terkilan mempunyai pilihan sama ada untuk

membawa kesnya ke mahkamah atau merujuk kepada Pendaftar. Dengan terpindanya seksyen ini, urusan pembetulan daftar akan dikendalikan oleh mahkamah, manakala segala urusan mengenai bingkangan akan dikendalikan oleh Pendaftar.

Seksyen 55(1) dicadang dipinda bagi membenarkan penyerahakkan (assignment cap-cap dagangan yang pending dengan memperkenalkan seksyen 55(1A) yang baru. Pindaan ini akan mempercepatkan lagi sistem penyerahakkan kerana ia akan membenarkan pendaftaran penyerahakkan dan perpindahan (transmission) di peringkat pendaftaran dan pending stage juga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan sistem perekodan berkenaan, pengguna berdaftar, seksyen 48 yang baru diperkenalkan. Sehubungan ini, seksyen 49(3) baru diperkenalkan bagi menggantikan seksyen 49(1) (d) untuk memberi kemudahan kepada pengguna atau pihak yang terkilan atau, dengan izin, the aggrieved party untuk merayu kepada mahkamah berhubung dengan urusan pendaftaran seseorang pengguna berdaftar.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 55(5) membolehkan penyerahakkan tanpa muhibah atau, dengan izin, without goodwill, diiklankan tanpa terlebih dahulu mendapatkan arahan Pendaftar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan kepada seksyen 66(1) kuasa membuat sesuatu perintah di bawah seksyen ini dipindahkan daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri. Cadangan pindaan kepada seksyen 83(3) adalah untuk menghapuskan pembentangan peraturan-peraturan di dalam kedua-dua majlis Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang bersifat drafting ialah pindaan-pindaan kepada seksyen-seksyen 11, 28(4) 28(10), 29 dan 65(1). Manakala pindaan-pindaan untuk menjelaskan peruntukan di dalam Akta ialah cadangan pindaan kepada seksyen-seksyen 2, 10, 12, 14, 16, 19, 20, 24, 25(12), 42, 43(2) dan 55(3). Seksyen 2(2) dicadang dipinda untuk menjelaskan bahawa Akta juga terpakai bagi cap dagangan yang didaftarkan di bawah Ordinan yang telah dimansuhkan.

Seksyen 10(1) (e) baru yang dicadangkan ialah untuk menjelaskan bahawa tanda distinktif yang disebut dalam perenggan itu adalah berasingan daripada dan tidak termasuk butir-butir yang disebut dalam perenggan 10(1) (a) hingga (d) bagi maksud menimbang tanda distinktif yang boleh didaftarkan dalam Bahagian A Daftar. Manakala subseksyen baru 10(2A) yang dicadangkan ialah untuk memperuntukkan ujian bagi kedistinktifan berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan-perkhidmatan yang didaftarkan atau dicadang didaftarkan dalam Bahagian A Daftar dan subseksyen baru 10(2B) menghuraikan dengan lebih lanjut lagi ujian ini.

Seksyen 12 yang baru diperkenalkan pada dasarnya mengandungi seksyen 12(3), 12(4) dan 12(5) yang sedia ada dan terpakai bagi kedua-dua pendaftaran di bawah Bahagian A dan Bahagian B.

Tuan Yang di-Pertua, Pindaan kepada Seksyen 14 adalah dicadangkan supaya sesuatu cap atau bahagian cap tidak didaftarkan jika ia mempunyai salah satu daripada kualiti yang disebutkan dalam seksyen itu.

Seksyen 19 yang baru diperkenalkan bertujuan menjelaskan lagi kedudukan permohonan pendaftaran cap-cap

dagangan sama ada barangan atau perkhidmatan yang serupa atau hampir-hampir menyerupai di antara satu sama lain sehingga mungkin memperdaya atau menyebabkan kekeliruan dan melarang pendaftaran cap dagangan yang sedemikian. Seksyen ini juga menetapkan bahawa tindakan lanjut tentang pendaftaran sesuatu cap dagangan yang serupa atau hampir-hampir serupa yang dipunyai oleh tuan punya yang berlainan akan hanya diambil setelah hak-hak pemohon ditentukan oleh mahkamah atau telah diselesaikan melalui perjanjian mengikut cara yang diluluskan oleh Pendaftar atau mahkamah.

Cadangan pindaan kepada seksyen 20 pula ialah bagi menjelaskan bahawa seksyen 20(1) dan 20(1A) adalah pengecualian bagi seksyen 19(1) dan 19(2).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 24 ialah untuk menjelaskan bahawa siri cap dagangan hanya boleh berbangkit dalam satu kelas sahaja.

Pindaan kepada seksyen 25(12) adalah untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran semula, penyetujuan-terimaan baru selepas penyetujuan-terimaan sesuatu cap dagangan yang sepatutnya didaftarkan tertakluk kepada syarat atau batasan tambahan tertarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 42 ialah untuk memperuntukkan bahawa tempoh satu tahun yang sesuatu cap dagangan disifatkan berada dalam daftar selepas penyingkirannya dikira dari tarikh tamatnya pendaftaran yang akhir.

Pindaan kepada seksyen 43(2) ialah untuk menegaskan bahawa pengguna berdaftar yang membuat permohonan

untuk membetulkan kesilapan atau mencatatkan apa-apa perubahan nama, alamat atau perihal pengguna berdaftar boleh berbuat demikian hanya berhubung dengan dirinya sahaja dan tidak berhubung dengan pengguna berdaftar yang lain.

Pindaan kepada seksyen 55(3) ialah untuk melarang penyerahhakkan atau perpindahan cap-cap dagangan yang akan mengakibatkan hak eksklusif terletak kepada lebih dari satu tuan punya, sekiranya penggunaan cap-cap dagangan tersebut akan memperdayakan atau menyebabkan kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis pindaan yang terakhir ialah pindaan-pindaan yang berbangkit atau, dengan izin, pindaan-pindaan consequential. Pindaan-pindaan berbangkit adalah akibat daripada peruntukan substantive yang baru yang dicadangkan seperti perlindungan cap dagangan untuk perkhidmatan, peruntukan mengenai hak keutamaan atau dengan izin, right of priority di seksyen 70 dan sistem pendaftaran pengguna berdaftar di seksyen 48, yang mengakibatkan pemansuhan beberapa peruntukan yang tidak perlu lagi.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Pindaan-pindaan berbangkit akibat daripada pengenalan perlindungan cap dagangan untuk perkhidmatan ialah perenggan baru 19(2) (a), perenggan 33(2) (c), perenggan 38(1) (c) seksyen 19(4), seksyen 35(2), 64(3) dan seksyen 22.

Seksyen 50 dicadang dimansuhkan berikutan pengenalan sistem pendaftaran yang mudah untuk pengguna berdaftar.

Seksyen 53 yang mengadakan peruntukan bagi pendengaran oleh pendaftar dicadang dimansuhkan

memandangkan pendengaran tidak lagi perlu kerana perekodan pengguna berdaftar adalah dengan cara pemberitahuan kepada Pendaftar dan tiada pengawalan ke atas hubungan contractual antara tuan punya dan pengguna berdaftar dijalankan oleh Pejabat Pendaftaran berikutan pindaan kepada seksyen 48.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan yang telah saya nyatakan tadi, maka Akta Cap Dagangan, 1976 akan lebih kemaskini dan diselaraskan dengan peruntukan-peruntukan Konvensyen Paris.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan, 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Padang Terap.

4.05 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan usaha pihak Kementerian yang berkenaan yang membentangkan Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan), 1993 ini.

Rang Undang-undang (Pindaan) ini memanglah kena pada masanya kerana pada masa ini negara kita sedang cuba menjadi sebuah negara yang ulung di dalam perdagangan antarabangsa dan untuk menjadi sebuah negara yang ulung di dalam perdagangan antarabangsa, maka negara kita perlu

mendapat penghormatan daripada negara-negara lain iaitu wibawa negara kita di mata dunia, khususnya mata dunia negara-negara perdagangan yang besar adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, kita bukan setakat menjadi anggota-anggota dalam konvensyen-konvensyen antarabangsa, malah kita mesti mempraktikkan prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan yang dipersetujui di dalam konvensyen-konvensyen itu seperti General Agreement on Tariff and Trade (GATT) dan World Intellectual Property Organisation (WIPO) dan seterusnya Madrid Protocol iaitu International Registration of Marks.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, dengan mengambil bahagian di dalam konvensyen-konvensyen ini sahaja tidak cukup; tidak melakukan apa-apa persetujuan ataupun tidak melakukan apa-apa larangan di dalam konvensyen seperti mengeluarkan barang-barang tiruan pun tidak cukup. Apa yang harus kita lakukan di sini ialah menunjukkan satu political and social will yang tinggi: bukan sahaja kita menahan pengeluaran dan penyalahgunaan cap-cap dagangan daripada dalam negeri, malah juga kita mestilah jangan menggalakkan kemasukan mana-mana barang-barang daripada negara-negara lain yang melanggar persetujuan-persetujuan yang kita capai dengan negara-negara lain di dalam konvensyen-konvensyen yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin membangkitkan satu perkara yang amat mustahak. Walaupun kita di sini mengutuk perbuatan menipu cap-cap barangan dan kita cuba membasmikan perbuatan ini di negara kita, tetapi kita tidak pula menahan kemasukan barang-barang ini daripada negara-negara yang melakukan kesalahan ini. Misalannya, banyak

barang-barang tiruan di negara kita yang dijual di pasaran-pasaran, khususnya di Langkawi. Kita hendak menjadikan Langkawi sebagai sebuah Pusat Perdagangan yang canggih dan dihormati di kalangan pedagang-pedagang antarabangsa, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke Langkawi, banyak sangat barang-barang tiruan seperti baju yang dikatakan mempunyai jenama yang bermutu tinggi seperti Dunhill, Pierr Cardin, Crocodile dan lain-lain lagi yang dibuat di negara jiran dan dijual dengan harga murah.

Walaupun ini adalah satu perkara yang baik untuk orang-orang yang tidak berkemampuan membeli baju-baju ini tetapi adakah kita hendak menggalakkan orang-orang yang tidak berkemampuan membeli baju mahal, membeli satu barang palsu hanya untuk meniru-niru sahaja? Misalannya baju yang bercap "BOSS", harganya RM20. Cantik dipakai. Kalau kita tidak perhatikan bagaimana buatan baju itu dari dekat, kita pasti mengatakan orang yang memakai baju "BOSS" tiruan ini betul-betul memakai baju "BOSS" kerana ianya cukup cantik bila nampak dari jauh tetapi apabila tiga kali dibasuh habis luntur warnanya.

Saya bukan hendak menahan ataupun melarang orang-orang kita memakai jenama ini tetapi apakah kita hendak memakai jenama untuk menunjuk-nunjuk bahawa aku berupaya memakai baju yang seharusnya berharga RM200 sehelai ataupun RM300 sehelai? Jadi, jikalau ada sesiapa yang mengatakan saya cuba menahan golongan berpendapatan rendah daripada bergaya, saya fikir, fikirlah dahulu adakah kita menerima usaha untuk bergaya di atas asas yang palsu ataupun adakah kita hendak menggalak orang-orang kita untuk

menunjuk-nunjuk, untuk bersifat tunjuk walaupun benda itu hukanlah benda yang didakwa sebenarnya.

Jadi, pada saya eloklah kalau pihak Kerajaan umumnya dan pihak Kementerian khususnya menilai semula dasar kita untuk membenarkan kemasukan barang-barang ini. Barang-barang lain yang terdapat di pasaran yang dijual di hotel-hotel oleh penjaja, banyak barang dari negara-negara Asia timur seperti jam, pen yang berjenama tinggi tetapi adalah barang-barang palsu yang dijual dengan harga yang murah. Jadi, saya harap pihak Kementerian akur tentang hakikat ini kerana di dalam usaha kita mematuhi apa yang kita tandatangani di dalam konvensyen-konvensyen tersebut, kita juga mestilah tidak menggalakkan kemasukan barang-barang itu di negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bercakap mengenai dengan harta-harta intelektual yang dibuat ataupun di "plagiarize", dengan izin, di negara ini. Baru-baru ini kita dapati bahawa dengan adanya barangan-barangan ini Kerajaan pun tertipu. Misalannya, di dalam satu penelitian Public Accounts Committee didapati bahawa apabila pihak Kementerian Pertahanan memeriksa semula sebahagian daripada kereta-kereta perisai, didapati barang-barang gantian itu bukanlah barang gantian yang semestinya disebut di dalam katalog.

Saya pasti barang-barang gantian yang di "discover", dengan izin, oleh pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan ini adalah barang-barang yang dibuat di cottage industry kita yang masuk ke dalam pembekalan tender melalui pegawai-pegawai yang menyeleweng. Banyak yang didapati di dalam hal ini. Ini adalah satu perkara

yang cukup serius kerana ianya akan mempengaruhi prestasi kereta-kereta perisai yang sekarang ini kita hantar untuk berkhidmat di Somalia, Cambodia dan sekarang akan dihantar ke Bosnia.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli dari Padang Terap. Tadi, beliau menyebutkan bahawa PAC sudah dapati ada pegawai di Kementerian Pertahanan menyeleweng mengenai dengan barang-barang ganti untuk kereta. Apakah tindakan yang telah diambil oleh PAC dan juga Kementerian tersebut?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak PAC yang bersidang pada 13hb dan 14hb yang lalu telah pun membuat recommendation untuk disiasatkan perkara ini kerana ianya adalah amat serius walaupun ia hanya melibatkan lebih kurang £7 ribu sahaja tetapi dari segi penipuan ataupun dari segi negative effectnya kepada pihak yang menggunakan alat ini adalah tinggi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah penting kerana berlakunya perkara ini adalah disebabkan industri sebegini wujud di negara kita. Kadangkala saya fikir Kerajaan pun sedar bahawa ianya wujud tetapi oleh sebab pertimbangan sosio-ekonomi yang mana ianya walaupun wujud dengan tidak sah tetapi ianya memberi pekerjaan kepada rakyat. Jadi, pada saya dari segi untuk membawa negara

kita kepada tahap yang mana wibawa di kalangan negara-negara perdagangan dunia bolehlah kita atasi masalah sosio-ekonomi ini, kita boleh menggantikan industri sebegini dengan industri-industri yang lebih mempunyai wibawa yang berasaskan kepada usaha-usaha betul, bukan usaha-usaha yang meniru dan menggunakan cap orang lain untuk kepentingannya semata-mata.

Perkara yang kedua di dalam pengeluaran kita, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan harta intelektual juga iaitu usaha-usaha untuk mem"plagiarize"kan karya-karya orang lain. Saya telah bercakap tentang hal ini di dalam banyak debate di dalam Dewan yang mulia ini. Banyak yang kita dapati thesis-thesis yang mem"plagiarize"kan karya-karya ahli-ahli akademik yang lain yang tidak memberi apa yang sepatutnya diberi iaitu memberi pengakuan bahawa ianya diambil dari ciptaan orang melalui footnotes dan banyak daripada thesis-thesis yang saya tengok ini diluluskan dan orang yang mem"plagiarize" diberi ijazah yang sepatutnya. Apakah ini lagi satu gejala

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah maksud Yang Berhormat ialah ada sesetengah ahli akademik di universiti tempatan yang membenarkan bahan-bahan cedokan ini diluluskan ataupun dimaksudkannya universiti-universiti luar negara yang tidak mempunyai taraf antarabangsa?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada dua kemungkinan. Satu, dibenarkan secara

deliberate dan ini kemungkinan yang kecil kerana seseorang profesor yang memeriksa usaha-usaha untuk mendapatkan ijazah tinggi ini, dia mempunyai etika yang tinggi tetapi kemungkinan yang besar ialah dari segi ignorance, dengan izin, orang yang memeriksa itu. Dia tidak tahu bahawa karya ini adalah sebahagiannya di“plagiarize”kan daripada karya orang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Adakah beliau tahu bahawa sebelum seorang profesor ataupun orang-orang yang pakar di dalam satu bidang dilantik menjadi pengelola untuk sesuatu ijazah lanjutan, mereka ini mempunyai kepakaran yang tertentu.

Kalau itu sahaja dikedokkan, memang mereka tahu. Memang tahu, tidak boleh lari. Itulah yang disebutkan sebagai kepakaran. Adakah beliau bermaksud bahawa ada setengah-setengah orang yang tidak mempunyai kualiti yang tertentu yang dilantik menjadi pengelola untuk tesis?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ini saya setuju. Ini kemungkinan besar. Kerana kalau orang itu betul-betul diangkat sebagai tahap profesor, dia mesti mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang luas. Jadi kemungkinan setengah orang itu diangkat dengan tidak mempunyai qualification yang sepatutnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara yang sangat menjolok mata, kadang-kadang berlaku, yang mana saya harap pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak hanya menumpukan kepada barang-barang tangible iaitu barang-barang yang dicap, malah dalam hal intellectual property tumpukan juga di dalam hal, di dalam kes-kes karya yang terlibat konsep-konsep, teori-teori dan juga penemuan-penemuan yang tertentu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi tahniah kepada pihak Kementerian yang walaupun pihak Kementerian cuba mengikut Paris Convention di dalam mengadakan inovasi, mengadakan cap kepada bukan sahaja barangan tetapi kepada perkhidmatan kerana kita tahu bahawa dengan adanya cap ataupun trade mark, dengan izin, pada perkhidmatan kita dapat membezakan di antara satu perkhidmatan dengan perkhidmatan yang lain di dalam jurusan yang sama. Cuma saya pada notis yang pendek ini, saya tidak dapat memikir bagaimanakah pihak Kementerian hendak melakukan misalannya perkhidmatan hospital swasta, bagaimana hendak dicap perkhidmatan ini di antara satu perkhidmatan Hospital “A” dengan Hospital “B”. Bagaimana hendak membezakan? Jadi inilah yang saya minta pihak Kementerian agar dapat memberi keterangan yang lanjut di dalam perkara ini. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

4.25 petang.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976. Yang pertama sekali saya hendak merakamkan bahawa saya sangat tidak puas hati oleh kerana Rang Undang-undang ini baru dibentangkan di Parlimen pada hari ini dan kita semua Ahli Parlimen dikehendaki untuk membahaskan dalam perkara yang sangat teknikal ini. Ini tidak patutlah. Janganlah Kerajaan menggunakan Parlimen ini seperti “rubber stamping” sahaja dan kawan saya dari Padang Terap pun sudah beritahu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Padang Terap bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya dari Petaling, adakah beliau sedar bahawa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: dari Bukit Bintang. Adakah beliau sedar bahawa Rang Undang-undang ini diedarkan di dalam sesi yang lalu? Notis empat bulan telah diberi dan ini adalah bacaan kali yang kedua.

Tuan Wee Choo Keong: Walaupun ini sudah diedarkan sudah beberapa lama, sudah empat bulan tetapi kita semua sangat sibuk dan juga ada banyak kerja. Apakah salah kalau Kerajaan menghantar Rang Undang-undang ini kepada semua Ahli Parlimen seminggu sebelum kita membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya rasa tidak salah dan juga tidak ada satu dengan izin, would not trouble the Government so much untuk mengedarkan Rang Undang-undang ini semula. Rang Undang-undang ini sangat teknikal dan juga kita tahu ada konvensyen dan international arrangement di Paris dan kita pun tidak ada dokumen itu untuk meneliti perkara ini. Saya harap Kerajaan janganlah menggunakan Dewan ini untuk "rubber stamping" sahaja. Hormatlah Ahli-ahli Parlimen di sini. Saya rasa Ahli Parlimen Parit Sulong pun setuju dengan saya. Dia pun tidak mahu jadi satu "patung" di sini dan juga Padang Terap pun tadi sudah sebutkan dia tidak ada masa untuk meneliti aspek-aspek yang disebut di dalam Rang Undang-undang ini.

Pada masa sekarang, saya rasa Menteri berkenaan tahu di

Tuan Yim Chee Cheong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak ada masa untuk memberi jalan kepada "clown", saya tidak mahu entertain "clown" di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau tidak beri sebut sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Janganlah kita buat

Tuan Wee Choo Keong: Orang lain saya beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Janganlah buat satu ulasan

Tuan Wee Choo Keong: Ini bukan circus.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan kalau tidak

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih. Sebab di sini bukan circus dan kita tidak "entertain"lah "clown" di sini. Dia tidak bayar cukai entertainment.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Inipun kalau tidak silap saya, saya pernah dengar dari Jelutong. Inipun bukan original juga nampaknya.

Tuan Wee Choo Keong: Itu "clown". Tuan Yang di-Pertua, sekarang Pejabat Cap Dagangan pun

yang saya tahu pada masa ini, pendaftaran untuk cap dagangan yang di“outstanding”kan sudah berapa tahun. Yang paling sedikitpun sudah ada tiga empat tahun—yang outstanding, yang belum didaftarkan. Tahun 1987, 1988 belum didaftarkan lagi dan sekarang ia hendak buka avenue yang baru untuk pendaftaran services pula. Yang cap dagangan (trade mark) pun ia tidak boleh handle, sekarang ia hendak buka ruang pendaftaran cap dagangan untuk buat pendaftaran services pula. Bagaimanakah Pejabat Cap Dagangan yang pada masa sekarang tidak boleh handle registration of trade mark, dan sekarang kalau kita meluluskan Rang Undang-undang ini mereka akan handle pendaftaran services pula. Bagaimana? Saya rasa lebih baik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan untuk mengemas-kinikan pendaftaran pegawai-pegawainya untuk membuat pendaftaran cap dagangan dahulu sebelum kita memasukkan era yang baru untuk services.

Saya rasa Menteri berkenaan tidak boleh menafikan bahawa ada banyak cap dagangan yang belum didaftar walaupun mereka sudah buat permohonan beberapa tahun—empat tahun, lima tahun. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah permohonan cap dagangan yang telah dibuat untuk pendaftaran yang belum didaftar oleh Pendaftar Cap Dagangan pada masa sekarang? Saya berani mengatakan di sini bahawa yang paling sedikit pun beratus-ratus cap dagangan yang belum didaftar pada masa ini.

Oleh yang demikian, kenapakah sebelum kita selesaikan perkara pendaftaran cap dagangan kita hendak

buka ruang yang baru pula untuk hendak daftar services? Why all this nonsense, dengan izin? Tugas-tugas yang ada sekarang mereka tidak boleh handle, hendak handle perkara yang baru pula.

Tuan Yim Chee Cheong: (*Bangun*)

Tuan Wee Choo Keong: Saya rasa ini. . . . (*Diganggu*). Saya sudah katakan bahawa saya tidak layan “clown” di sini, tetapi saya cuma layan Ahli Parlimen sahaja di sini.

Tuan Yim Chee Cheong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Seremban bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak mahu layan “clown” itu, sebab apa yang kita buat ini adalah satu perkara yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, yang bangun itu bukan “clown”, tetapi adalah seorang Ahli Parlimen.

Tuan Wee Choo Keong: Tetapi kita semua tahu dia seperti seorang “clown”.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak? Sebut sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau tidak beri, sebutlah. Sila teruskan.

Tuan Wee Choo Keong: Kita tidak mahu beri. Kalau Yang Berhormat dari Parit Sulong, saya beri jalan (*Ketawa*) (*Tepuk*) atau Yang Berhormat dari Padang Terap, saya beri jalan sebab dia orang baik sedikit. Ada standard sedikit.

Seorang Ahli: Yang Berhormat dari Larut?

Tuan Wee Choo Keong: Yang Berhormat dari Larut itu, dia kacau sahaja.

Tuan Yim Chee Chong: (*Menyampuk*)

Tuan Wee Choo Keong: Dan bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini, berapakah pegawai yang ada di Bahagian Cap Dagangan pada masa sekarang? Adakah pada suatu masa Bahagian Cap Dagangan ini tidak ada Registrar of Trade Marks? Dan berapa bulankah Bahagian ini tiada Pendaftar untuk bertugas di sana? Kalau kita sudah meluluskan Rang Undang-undang ini, bagaimanakah pejabat ini boleh handle pendaftaran cap dagangan dan services sedangkan pada masa ini ada beratus-ratus cap dagangan yang belum didaftarkan lagi. Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh memberi satu jawapan yang terang kepada kita. Juga saya minta Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah convention and international arrangements dan sama ada ini jadi satu dokumen? Kalau ada dokumen, beritahu kita apakah dalam kandungan dokumen ini oleh kerana saya nampak di dalam Bill ini cuma memberitahu ada right of priority under convention, dengan izin. Ini Seksyen 70. Bagaimanakah kita hendak luluskan Akta ini yang kita belum tahu kandungan "convention" and international arrangements" ini? Yang kita tahu cuma memberi hak khas di bawah konvensyen ini.

Saya harap Menteri berkenaan boleh memberi jawapan yang jelas mengenai apa yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

4.34 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin mengalu-alukan pihak Kerajaan yang sekarang ini berusaha menjajarkan beberapa akta dan dasar dengan perkembangan sejagat dan juga demi kemajuan negara.

Saya amat kesal dengan kata-kata sahabat saya dari Bukit Bintang sebentar tadi yang hanya

(Tuan Wee Choo Keong keluar Dewan).

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia keluar! (*Ketawa*) yang hanya berputar-putar di sekitar mempersoalkan mengenai backlog di dalam Kerajaan menyelesaikan hal ehwal pendaftaran cap dagangan. Di dalam konteks ini, apabila pihak Kerajaan mengembangkan usaha-usahanya selepas peruntukan pindaan undang-undang ini diluluskan, apabila sampai kepada cap yang berhubung dengan barang-barang dan juga perkhidmatan, saya harap perkara ini akan juga disaingi dengan kewujudan (establishment) pegawai-pegawai yang terlatih, yang mahir dan tahu. Jangan kita mempunyai sahaja undang-undang yang menjamin kewujudan benda ini akan ada dalam negara demi menarik pelabur-pelabur asing, tetapi kita tidak mempunyai pegawai yang boleh menentukan dan dipertanggungjawabkan untuk memastikan undang-undang ini akan dikuatkuasakan.

Oleh kerana kita banyak melihat di dalam beberapa aspek, kita banyak mempunyai undang-undang yang

memang bagus, yang memang indah. Tetapi dari segi pelaksanaan, kita amat lemah oleh kerana kekurangan tenaga manusia yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi undang-undang itu. Di dalam hal ini, pada peringkat ini sahaja sedang kita mempunyai undang-undang mengenai cap dagangan, kita juga pada waktu yang sama, kita mengizinkan dengan secara berleluasa penyeludupan masuk ataupun pembawaan masuk secara terang barang-barang yang palsu, sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya dari Padang Terap. Kalau kita pergi ke negeri-negeri sempadan, baik di Kayu Hitam, baik di Golok, baik di Takbai ataupun di pekan Kota Bharu, kita dapat melihat, "You name it, you have it", orang kata. Semua perkara ini kalau tidak diambil tindakan daripada awal-awal, perkara ini telah menjadi satu amalan yang bercambah. Apabila Kerajaan mengambil tindakan, khususnya sekiranya kepada peniaga-peniaga barang-barang berkenaan yang sub-standard, barang-barang yang palsu. Sekiranya Kerajaan mengenakan undang-undang, akan dijadikan satu bahan politik yang akan menuduh, kononnya Kerajaan Barisan Nasional ini Kerajaan yang zalim.

Kalau kita hendak bertegas, kita harus bertegas daripada awal lagi. Jangan sebagai "put on record" sahaja. Sebagai "put on record", raid Jalan Chow Kit—rampas apa jeans dan pakaian-pakaian yang palsu. Just to put on record. Tetapi yang tidak didedahkan, setiap hari masuk. I take a bet. Saya ingin bertaruh dengan Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita balik dari Parlimen, kita pergi ke Jalan Chow Kit. Kita lihat apa jenis (brand) pakaian, apa jenis baju, apa jenis kasut yang Tuan Yang di-Pertua beli, umpamanya di Oxford Street dengan harga 300 paun atau 600 paun, Tuan Yang di-Pertua boleh jumpa di Jalan Chow Kit.

Tuan Yang di-Pertua hendak beli kasut "Bally", dia ada kasut "Bally". Dia ada peringkat pula. Peringkat yang boleh tahan 3 bulan, peringkat yang boleh tahan 3 tahun. Ini telah menjadi satu perkara yang berakar-umbi. Mengapa perkara ini berlaku? Orang-orang yang mengamalkan perdagangan ini telah mengaut keuntungan, at the expense of the consumers dan pihak consumers juga harus diberi kesedaran.

Kita mempunyai Kesatuan Pengguna. Kesatuan Pengguna ini selalunya menjadi seperti "watchdog" sahaja apa yang Kerajaan buat, tetapi dia tidak memainkan peranan "educating the public mind", dengan izin. Bermakna, dia harus juga membantu untuk pihak orang awam ini menyedari haknya. Oleh kerana perkara ini, umpamanya barang-barang tipuan atau palsu ini sub-standard, ini murah, tetapi kalau tidak ada market, tidak ada pembelinya.

Jadi, kita harap tunjukkanlah keikhlasan Kerajaan. Tunjukkan. Jangan dijadikan bahan oleh pihak Pembangkang. Saya tidak mahu pihak Pembangkang sahaja yang bercakap, biar kita yang bercakap di sini. Saya tidak mahu pihak-pihak yang terlibat dengan penguatkuasaan ini, dia menjalankan serbuan-serbuan ini "just to put it on record" yang dia bekerja. Kita mahu perkara ini dijalankan secara berterusan (consistent) supaya amalan-amalan yang berakar-umbi ini akan terus kita "uproot", akan dapat kita cabut amalan-amalan ini dan kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, jangan sampai undang-undang yang diluluskan akan dijadikan satu bahan mockery kepada Kerajaan itu sendiri. Kita tidak mahu hal ini berlaku, oleh kerana apa setiap yang kita lakukan adalah demi

kebaikan. Umpamanya, sekarang ini kita mahu menarik ataupun kita mahu mewujudkan cap dagangan bagi perkhidmatan-perkhidmatan sebagaimana ucapan Menteri tadi untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk datang ke sini. Bagaimana sekiranya ia datang di sini dan pada waktu yang sama, ada lagi, umpamanya produk atau services yang dibawa itu ditiru, dikelirukan ataupun divedok oleh orang-orang yang melihat bahawa perniagaan sama ada produk atau services itu adalah amat menarik kepada public, dia pun tubuhkan. Di mana letaknya kredibiliti kita? Di mana letaknya kredibiliti Malaysia yang sedang bergerak untuk menjadi sebagai satu wadah negara yang maju. Di mana letak kredibiliti?

Jadi, dengan adanya undang-undang ini kredibiliti undang-undang ini sendiri harus dijamin dengan adanya pegawai-pegawai yang berkuatkuasa dan menjalankan tugas dengan ikhlas. Saya tidak mahu menuduh, oleh kerana pihak pegawai Kerajaan adalah pegawai yang dedikasi, pegawai yang bersih, yang cekap dan amanah. Tetapi harap tolong kesan sekiranya ada elemen-elemen rasuah yang mungkin menyelip masuk ke dalam jiwa pegawai-pegawai penguatkuasa. Ini adalah kemungkinan yang tidak boleh dielakkan. Kalau hendak contoh, banyak contoh.

Umpamanya, peniaga rokok Kretek sama ada yang berdaftar sebagai peniaga rokok Kretek itu dia membawa produk secara import ataupun secara seludup—banyak. Tetapi walaupun tidak terbabit dengan Kementerian ini, umpamanya agensi yang mengawasi kemasukan, dia ambil at random, satu di Kuala Selangor, satu di Batu Pahat, sedangkan satu tempat itu umpamanya is a weekly practise,

amalan mingguan. Kapal masuk dia tengok sahaja. Dia pula membantu orang ini menjalankan kerja-kerja penyeludupan. Ini berlaku. Pindahkan satu balai polis, transfer mereka beramai-ramai, yang datang itu buat lagi. This is a typical example, Tuan Yang di-Pertua, di mana kalau kita tidak kuatkuasakan undang-undang yang kita jalankan secara ikhlas dan sekiranya ada elemen-elemen rasuah menyelip masuk ke setengah atau segelintir jiwa pegawai yang menguatkuasakan undang-undang, kredibiliti kita akan jadi kosong.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang pertama kalilah saya dengar dengan suara lantang Yang Berhormat yang “sulong” yang mempunyai kenyataan yang baik, yang membayangkan keadaan yang sebenarnya. Cuma saya hendak tanya adakah ini berhubungkait dengan budaya yang terdapat mungkin di Johor di mana sifat-sifat yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada wujud. Kalau ini merupakan satu budaya, adakah Yang Berhormat bercadang supaya pihak Kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas lagi untuk membenteraskan semua ciri-ciri yang tidak baik ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya ini dia kenen tempat lain. Kalau hendak main billiard, kita tengok mana bola dan mana lubang yang kita hendak masuk. Saya harap dan saya rasa dia faham apa maksud saya. Yang saya maksudkan adalah amalan oleh setengah atau segelintir pegawai

penguatkuasa undang-undang yang menyeleweng. Ini berlaku di mana-mana, boleh berlaku di mana-mana. Kemungkinan boleh berlaku di mana-mana adalah besar.

Jadi, ini tidaklah menjadi refleksi ataupun cermin kepada amalan yang berlaku di negeri Johor, oleh kerana rasuah bukan mengikut tempat, tetapi adalah mengikut pemikiran dan jiwa. Kalau jiwa kita menolak rasuah, kita tidak melakukan rasuah. Kalau hati kita menolak rasuah, kita tidak melakukan rasuah. Tetapi sekiranya jiwa kita tertarik dengan rasuah, kita akan terdedah dengan rasuah. Itu sahaja. So, it is always in your mind and in your heart. Bukan kiranya geographical situation. Ini tidak betul. DAP pun kemungkinan ada yang rasuah, we don't know, apabila you belasah Kerajaan kita yang ini tidak betul, yang itu tidak betul. Dia masuk mungkin diupah untuk bercakap, kita pun tidak tahu. Elemen rasuah berada di mana-mana, mungkin termasuk pihak Pembangkang. Dia tidak sedar mungkin dia jadi champion rasuah, tetapi dia juga yang memanjangkan rasuah. Saya tidak menuduh, tetapi saya kata elemen itu wujud di mana-mana dan hanya boleh disekat oleh pemikiran dan jiwa yang ikhlas dan bersih. Itu sahaja. Jadi, saya harap sahabat saya dari Kepong janganlah hendak provoke lagi. I know your mind has been entrapped, orang kata di "Kepong". (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja harapan saya oleh kerana memang kita dapat awasi dan kita dapat lihat bahawa negara ini kalau hendak dibanding dengan negara-negara lain, dengan Latin Amerika dan sebagainya, memanglah kalau ada the element of corruption is very negligible, terlalu kecil. Tetapi walaupun negligible, oleh

kerana kita mahu menjadi satu negara yang maju, elemen ini harus diwiped out, harus dihapuskan terus-menerus, biar di mana sahaja. Oleh kerana selalunya elemen-elemen ini datangnya kepada orang yang mempunyai hak untuk melaksanakan sesuatu dan yang mempunyai hak untuk mempertimbangkan sesuatu. Dalam konteks ini, adalah yang mempunyai hak sama ada mahu bergerak untuk menyiasat atau tidak; yang mempunyai hak sama ada mahu menjalankan operasi secara konsisten atau tidak; itu sahaja. Kalau mereka tidak menjalankan operasi secara konsisten oleh kerana kekurangan tenaga, kita harus dengan lumrahnya badan-badan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk meluluskan kakitangan Kerajaan harus sedia sukarela. Jangan mana-mana jabatan yang tidak disifatkan sebagai "money spinner" tidak diberi pertambahan kakitangan Kerajaan yang sewajarnya, walaupun untuk menegakkan undang-undang. Ini amalan yang tidak betul.

Oleh kerana apabila saya bertanya beberapa orang kawan-kawan saya di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kenapa terlalu *ad hoc* dan terlalu random tindakan saudara di dalam menguatkan undang-undang? Jawapannya, "kita kekurangan tenaga". Mengapa tidak ditambah kakitangan Kerajaan? Dia kata, "department yang meluluskan, terlalu rumit permohonan dan kehendaknya untuk meluluskan ataupun to create the establishment". Ini tidak boleh. Kita meluluskan undang-undang, kita mahu menguatkan undang-undang. Kalau tidak ada kakitangan untuk menguatkannya, kita tambah kakitangan supaya undang-undang itu benar-benar dilaksanakan, supaya kredibiliti undang-undang dan juga kredibiliti

negara itu tetap akan terjamin di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Arau.

4.49 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama kawan-kawan ingin membahaskan Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan 1976.

Yang pertama sekali, saya ingin bertanya sebab walaupun Bil ini telah diberi dengan begitu lama, saya sudah baca. Yang tidak baca ialah sahabat-sahabat saya yang tidak baca; yang baca saya ingat ialah yang bercakap dengan baik. Cuma I am confused sekarang ini apabila kita telah bersetuju dalam persidangan GAIT, adalah kita negara yang pertama balik untuk mengadakan Akta ini. Bagaimana dengan negara-negara lain? Adakah perjanjian supaya Akta ini dilaksanakan sekali gus, sebab yang I am confused di sini, dengan izin, kita ada perbezaan masa. Kita tabled this dalam Parlimen yang lepas, empat bulan, sekarang baru kita masuk balik. Jadi, maknanya tidak ada sesuatu yang perlu disegerakan ataupun adakah ini merupakan yang perlu disegerakan? Saya seperti kawan-kawan lain, apabila Malaysia melaksanakan undang-undang ini, sebenarnya dari segi orang berniaga, kita rugi. Kita sebut secara terus-terang negara Thailand sebagai contoh, bilakah dia laksanakan undang-undang ini? Sebab kita lihat di Thailand barang-barang tiruan masih dijual dengan berleluasa. Kasut Bally memang mudah didapati, malah semua orang kampung saya memakai kasut Bally.

Tuan Yang di-Pertua kalau pergi ke kampung saya jangan terkejut, sebab orang kampung saya memakai kasut

Bally harganya RM20. Jadi, kalau saya terpakai kasut Bally harga banyak mana pun, mereka tidak kisah. Kalau saya memakai kasut Bonia harga berapapun, dia balik ke rumah ada kasut Bonia. Charles Jourdan itu benda biasa pada mereka. Itu sebab saya malas memakai jam tangan, sebab jam jenis apapun semua orang memakai jam jenis macam itu. Walau bagaimanapun, kita hendak sebutkan sama ada negara Thailand melaksanakan ataupun tidak undang-undang ini dan juga lain-lain negara jiran termasuk di selatan Singapura, menyebabkan perniagaan mereka meningkat, sekurang-kurangnya dia telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan (growth) negara yang berkenaan. Tetapi yang paling mengancam sekali, mereka akan mendapat tukaran wang asing yang lebih baik daripada kita, oleh kerana mereka dapat menjual barang-barang tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita memang menghina dan mengatakan barang tiruan ini tidak ada kualiti dan sebagainya. Tetapi saya hendak beritahu barang-barang tiruan sekarang hampir hendak sama dengan kualiti yang sebenar dan harganya mahal sedikit sekarang.

Kasut Bally yang dibuat di Thailand sekarang harganya sudah hampir hendak sama dan tahan lama. Walaupun kita bersetuju peniaga-peniaga di Langkawi sekarang ini memperolehi keuntungan yang cukup hebat, sebab jenama-jenama yang tertentu ini dijual dengan harga yang setelah ditolak cukai, tetapi mereka beli pada harga yang begitu murah. Jenama mereka ini masih boleh bertahan sebab barang tiruan mereka hampir-hampir menyerupai barang-barang yang original. Jadi, mereka memperolehi keuntungan, selepas itu mereka pula

boleh eksport ke sini dengan cara penyeludupan ataupun dengan cara yang lain, jadi kita rugi dari segi tukaran wang asing.

Saya hendak bertanya semasa kita pergi ke Persidangan Uruguay (GATT) dan juga WIPO, sejauh manakah negara-negara lain mengikutinya, itu soalan yang pertama? Kalau ya, apakah bentuk-bentuk yang telah dipersetujui?

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan bersyukur kerana sekarang negara kita dikenali sebagai negara yang sentiasa menjual barang-barang asli dan yang termurah dalam dunia. Ini kita kena pertahankan dan cukup baik, sebab Akta ini sudah sampai pada masanya diperkenalkan untuk membolehkan kita hanya menjual barang-barang asli. Sekarang ini kita masih lagi mempertahankan, cukup baik, kita bersetuju, cuma apakah caranya untuk membolehkan kita hendak mengelakkan supaya kawan-kawan kita di negara jiran juga berbuat demikian.

Mengenai barang-barang yang masih lagi terdapat buatan tiruan, saya hendak bertanya di sini kepada Yang Berhormat Menteri mengapa terdapat lagi barangan-barangan bagi sesetengah negara sukar untuk ditiru. Misalnya barang-barang dari negara Jepun sukar untuk ditiru. Adakah orang yang berani tiru Toshiba? Saya ingat sukar sebab dia hendak buat semua sekali barang ataupun chips, barang-barang dalaman Toshiba yang dibuat itu dipastikan semuanya Toshiba, tidak boleh dimasukkan sedikit chips ataupun dimasukkan apa-apa alat yang ditiru di situ. Orang tidak boleh tiru Toshiba, termasuk juga barangan lain yang sukar ditiru, tetapi barang-barang lain yang daripada negara lain boleh ditiru, walaupun barangan Philip boleh ditiru, dia boleh masukkan barang daripada

Sungai Besi di dalamnya—boleh. Kalau yang diassemble di Malaysia itu jaga baik-baik, termasuk Toyota baru, saya ingat, sebab saya takut sekiranya ada barangan tempatan yang dibawa masuk. Itu sebabnya apabila kita bawa 2-3 bulan, dia bergoncang sedikit, sebab kita kena ingat barang-barang original ini harganya tinggi sekali ganda.

Sekarang ini telefon bimbit (handset), saya tidak ada, Pak Wan ada Handset Art 900. Pada masa ini semua sekali baterinya ditiru, ada yang original dan ada yang ditiru, dan sekarang ini yang ditirupun boleh dibubuh cop original. Jadi, macam mana kita hendak buat? Kawan-kawan pernah minta saya belikan bateri, saya belikan juga, tetapi selepas sebulan baterinya rosak, dia kata campaklah, beli baru, sebab sekarang bateri tiruan. Persoalannya, Kementerian boleh menguatkuasakan perkara-perkara ini, tetapi hendak tiru trade mark dia, bukan susah. Jangan kita kata kalau dia bubuh trade mark "Primer" misalnya, tidak susah hendak buat dia punya trade mark, boleh buat. Jadi, bagaimana kita hendak jamin benda dalam itu benda tiruan? Adakah Yang Berhormat hendak pergi buka semua sekali bateri-bateri yang sedang bercambah dalam pasaran sekarang? Sukar. Cara yang paling tepat saya serah kepada Yang Berhormat Menteri kerana kita pun susah hendak fikir benda ini. Walau bagaimanapun, kita pastikan bahawa semua pihak terlibat dalam menguatkuasakan benda-benda macam ini.

Satu lagi perkara yang saya hendak beritahu ialah komputer. Komputer sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, jenis "Apple" adalah terkenal. Saya tahu, hendak pasang sebuah komputer harganya tidak lebih daripada RM1,200. Saya amat mengetahui

perkara ini dan kita boleh import semua barangan dari Taiwan, bawa ke sini kita bubuh cop "Apple", IBM tidak berani bubuh, sebab tinggi sangat, macam-macam trade mark kita boleh bubuh. Tetapi kita hendak sebutkan bahawa yang mengeluarkan komputer ini hanya satu kompeni, tetapi trade marknya macam-macam kita boleh buat. Jadi, ada barangan yang kita tidak boleh tiru, sukar untuk ditiru. Ada barangan yang boleh ditiru. Kita ambil contoh bagaimana barangan ini orang tidak berani tiru, jadi timbullah kegerunan, termasuk baju dan sebagainya. Hal ini timbul, saya rasa, saya hendak salahkan Kementerian inipun tidak boleh, sebab Kementerian ini saya hendak beritahu bahawa walau apa pun tuan-tuan kata, Kementerian ini sekurang-kurangnya telah berjaya menyedarkan peniaga-peniaga dan juga pengguna supaya berwaspada dengan tanda harga mereka. Sumbangan Kementerian ini cukup hebat kerana ia sekurang-kurangnya menolong untuk mengawal inflasi dan sebagainya.

Oleh kerana Kementerian ini telah berjaya, saya ucapkan tahniah, tetapi untuk melaksanakan undang-undang ini bukan terletak kepada Kementerian ini sahaja, semua pihak, termasuk Bandaraya dan juga Penguasa Tempatan. Yang membuat kerja ini semua kilang-kilang haram, kilang-kilang di Sungai Besi iaitu kawasan yang dikuasai oleh DAP dan mendapat perlindungan yang cukup hebat, di antara kawasan yang banyak mengeluarkan barangan-barangan tiruan. Apa sahaja pun boleh ditiru. Saya amat mengetahui benda ini sebab saya pernah membuat tempahan untuk satu barangan di sebuah kilang padi yang sama jenama dengan yang diimport daripada Norway. Kita bubuh jenama yang sama dan dapat dijual

dengan harga yang sama juga, tetapi benda ini dapat dikesan akhirnya oleh pihak Kerajaan yang minta dibekalkan benda yang sama, tetapi akhirnya mereka hanya mendapat barang tiruan. Contohnya, macam blower yang digunakan untuk mengeringkan padi, kita boleh import satu yang asli (original), tetapi yang 40 lagi kita boleh tiru dan bubuh trade mark.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kawan-kawan sebab saya dapati tidak ada di sini yang boleh menolong untuk saya memahami apakah jenama yang ada dalam pasaran sekarang yang tidak didaftarkan? Tuduhan Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi terdapat 300 jenama yang tidak didaftarkan, adakah perkara ini betul ataupun tidak? Kalau betul, ini boleh memeranjatkan sebab setakat yang saya tahu, saya pun orang berniaga juga, tidak ada barangan yang hendak diperniagakan yang tidak didaftarkan, kalau tidak didaftarkan sekarang, maka mudah orang meniru. Contohnya seperti sos cili Aminah Hassan. Adakah Aminah Hassan membuat pendaftaran trade mark 'Aminah Hassan' sebab sos cili Aminah Hassan mendapat permintaan yang begitu hebat di merata tempat. Adakah dia didaftarkan? Adakah "Arqam" didaftarkan? Saya hendak tahu, sebab kalau tidak didaftarkan, kalau berita ini didengar oleh orang-orang yang suka meniru, katalah barangan Arqam, sebab macam Ustaz Pak Nik ini pun suka beli barangan Arqam. Saya pun suka beli barangan Arqam juga, esok mungkin Kepong yang mengeluarkan barangan Arqam, sebab dia tidak didaftarkan. Jadi, adakah Arqam itu didaftarkan, timbul soal halal atau tidak halalanya. Adakah Arqam itu didaftarkan, timbul halal tak halal ini? Yang saya hendak tanya ini, adakah

sebenarnya betul terdapat 300 barangan yang tidak didaftarkan? Kalau betul terjadi, saya ingat perlu dibuat serta-merta untuk memastikan semua jenama ini didaftarkan.

Yang menimbulkan kebimbangan itu ialah untuk berniaga di suatu pihak di mana jenama-jenama ini telah diperkenalkan dalam pasaran. Jadi, yang tidak didaftar boleh tumpang-tumpang cari makan sama. Yang menimbulkan kebimbangan ini ialah jenama-jenama yang berbentuk ubat-ubatan. Sudah beberapa kali Kementerian Kesihatan dan juga pihak Persatuan Pengguna mengatakan bahawa ubat-ubatan atau baru-baru ini kita dengar Mona Affendi punya ubatan tidak boleh dipakai dan sebagainya. Adakah Mona Affendi berdaftar atau pun tidak? Itu saya hendak tanya. Adakah ianya berjalan begitu sahaja? Ubat-ubatan ini sejauh manakah jenamanya telah didaftar dan di mana ingredients atau bahan-bahan yang terdapat dalam ubat-ubatan itu dimasukkan dalam pendaftaran mereka? Sebab perkara ini perlu diambil perhatian kalau kita ingin menjadi negara yang sebenarnya mengeluarkan barang-barang yang asli.

Yang berikutnya, sebelum saya terlupa, ialah fasal perkhidmatan. Saya bersetuju bahawa perkhidmatan dan juga barangan ini dimasukkan di bawah satu Rang Undang-undang. Kalau boleh, selepas sahaja Rang Undang-undang ini dipinda ataupun mungkin boleh dibawa masuk di bawah manamana Rang Undang-undang yang boleh didaftarkan dengan segera, saya minta supaya agensi pengambilan pekerja asing ini dapat diberi Trade Mark yang khusus. Saya percaya semua rakyat Malaysia bersetuju. Tidak tahulah kalau ada setengah yang tidak bersetuju, tetapi saya seorang yang

amat bersetuju, iaitu kemasukan orang-orang luar termasuk pendatang tanpa izin, walaupun sekarang ini kita ada agensi, saya rasa ianya di luar kawalan.

Saya tidak gemar berkeliaran di malam hari tetapi kadang-kadang bila ada perjumpaan politik terlalulah saya di gerai-gerai makan di tepi jalan dan sebagainya. Kita amat khuatir sebab orang-orang asing yang datang secara tidak sah ini juga keluar malam sebab siang mereka tidak keluar dan saya nampak perkara ini semacam tidak terkawal. Di Batu Caves, saya lihat satu kumpulan dan daripada muka dan sebagainya saya ingat itu sekumpulan bintang filem Hindi yang datang dari India. Saya tengok lebih kurang 100-200 orang. Saya tidak pasti sama ada mereka itu dari Pakistan, Bangladesh, Uzbekistan atau Turkistan—saya tidak tahu. Tetapi saya tengok ini satu perkara yang saya rasa tidak terkawal. Kalau tidak mereka keluar di siang hari.

Jadi, agensi pengambilan pekerja asing ini perlu diberi Trade Mark yang khusus seperti TR Agensi, WH Agensi iaitu Wan Hanafiah Agensi supaya orang tahu Trade Mark itu boleh dipakai dan trade mark ini tidak boleh dipakai. Dengan itu, sekurangnya dia boleh disatukan maklumat agensi ini dengan orang yang berada, dengan pihak penguatkuasa, untuk hendak memastikan agensi mana yang import mereka. Sekurangnya bila kita jumpa sebuah kapal, trade marksnya agensi mana. TR Agensi? Okay, TR Agensi masuk ataupun WH Agensi. Walau bagaimanapun, yang ini penting sebab kemasukan orang asing sekarang ini ialah diluar kawalan. Walaupun kita kata tidak apalah, Malaysia memerlukan rakyat, kalau masuk semua yang bagus-bagus, okay, tetapi

kalau masuk yang macam ada sekarang ini, kita pening kepala. Dahulu kita tidak pernah dengar anak-anak kecil dibuang—kebanyakannya anak diluar nikah—dicampak, dibunuh dan sebagainya. Tetapi sekarang berleluasa dan telah dibuktikan bahawa banyak berlaku di kalangan pendatang-pendatang asing. Di Malaysia ini jaranglah berlaku, kalau adapun sekali sekala, tetapi kalau berlaku pun anak-anak ini diberi kepada orang. Kalau pendatang asing, dia hendak beri kepada siapa? Banyak perkara-perkara yang tidak pernah berlaku, berlaku kerana keadaan yang pada pendapat saya di luar kawalan.

Saya hendak tahu, sekarang ini sejauh mana Malaysia masih memerlukan pekerja-pekerja luar? Kalau sekiranya perlu banyak, kita wujudkan banyak lagi agensi-agensi pengambilan orang asing sebab semasa 10 tahun yang dahulu kalau kita hendak keluar malam tidak ada masalah. Yang Berhormat hendak keluar malam pun tidak ada masalah. Tetapi sekarang bila hendak keluar malam, kita fikir dahulu, kita bukan takut apa tetapi kita takut kepada pendatang-pendatang asing yang kita anggap bagi mereka hidup mati itu tidak penting. Bagi kita penting. Kita takut bila kita beralih ke kiri ke kanan—kalau dia hendak duit kita boleh bagi—tetapi takut sebelum dia ambil duit dia habiskan kita, kita pening kepala. Jadi, bila kita hendak berjalan malam, ada sedikit masalah kerana orang Malaysia takut kepada pendatang asing. Dengan itu kita mahukan Trade Mark kepada semua agensi. Bagi kilang A ini agensinya; kilang B, ini agensinya, jadi kita puas hati. Itu sebab kita bersetuju supaya ini dilaksanakan serta-merta.

Adakah saya bercakap mengenai perkhidmatan buruh ini termasuk dalam portfolio Kementerian Yang

Berhormat? Yang Berhormat cakap kepada kawan saya macam tak masuk. Kalau tak masuk rugilah, sebab saya sudah bercakap setengah jam, berpeluh saya. Tetapi kalau tak masuk, masuk di bawah Kementerian mana? Sebab perkhidmatan ini kategorinya luas. Saya hendak tahu, yang dikatakan perkhidmatan ini masuk di bawah mana? Hospital—perkhidmatan; Travel Agent—perkhidmatan. Bagi saya perkhidmatan ini saya ikut Budget, saya ikut Menteri Kewangan punya Belanjawan. Ini dia senarai perkhidmatan—pukul kereta, bengkel kereta—perkhidmatan; agensi—perkhidmatan; hotel—perkhidmatan, sebab sebelum saya bercakap ini saya membaca buku cukup hebat, jadi saya tahu saya bercakap elok, tepat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini penting, saya hendak bertanya sejauh mana pelaksanaan untuk pastikan supaya kita dapat melaksanakan Trade Mark kepada agensi-agensi yang telah saya sebutkan. Penguatkuasa ini ia banyak cara-cara untuk kita hendak menyelesaikan masalah kalau sekiranya berlaku masalah mungkin, mungkin, tetapi bagi saya ini cukup terpencil kalau kita hendak kata pun, mungkin ada korupsi dan sebagainya, tetapi ini cukup terpencil. Tetapi semua ini dapat dilaksanakan kalau sekiranya undang-undang ini dibuat ada hubung-kait di antara satu dengan lain. Tetapi untuk melaksanakan undang-undang itu diberi kepada suatu pihak sahaja, dia akan menjadi diktator. Itu sebab undang-undang lalulintas pun bukan sahaja Polis, sekarang ini JPJ dan lain-lain pihak lagi pun boleh laksanakan. Mengenai undang-undang menangkap ikan di laut, kita ada banyak agensi—Jabatan Laut, Marin Polis; orang curi balak lagi hebat—polis dan askar pun

boleh tangkap. Dengan itu agak sukar sedikit hendak berlaku perkara-perkara semacam ini. Demikian juga apa yang berlaku di depan mata kita berhubung dengan pendatang asing.

Akhir sekali, saya berbalik kepada Trade Mark untuk barangan, sebab selepas ini sahabat saya dari Seremban pula hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu hak Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu hak Kerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tahu itu hak Kerusi, tetapi dia beri signal kepada saya minta tolong. Itu hak Kerusi saya tidak pertikai. Yang pertikai hak Kerusi ini ialah DAP.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi mengenai Trade Mark, saya hendak pastikan betul-betul. Kalaulah betul ianya tidak didaftarkan dan tiba-tiba dilaksanakan undang-undang ini kalau kita hendak daftarkan sekali gus, bagaimana Yang Berhormat hendak buktikan bahawa orang yang datang ini haknya melebihi daripada orang yang seorang lagi.

Saya tidak bersetuju walaupun dalam undang-undang ini Yang Berhormat kata pergi ke Mahkamah, saya lebih suka Pendaftar sendiri melaksanakannya. Sebab kita kalau hendak berniaga, kalau kita pergi ke mahkamah, kita lebih teruk. Sebab itulah, Undang-undang Pertubuhan UMNO inipun, siapa yang bawa ke mahkamah, 'pop' habis cerita. Itu sebabnya kita boleh melaksanakan mesyuarat kita dengan cepat.

Demikian juga orang berniaga. Orang berniaga sekarang ini, mahu kalau boleh supaya semua benda diselesaikan di pihak Pendaftar. Pergi ke mahkamah panjang cerita. Walaupun dengan cara ini lawyer tidak dapat rezeki, tidak mengapa, jangan kira rezeki mereka, tetapi kira bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini dengan cepat. Kita lebih suka perkara ini diselesaikan di peringkat Pendaftar. Sejauh mana Pendaftar hendak pastikan bahawa jenama ini saya punya, jenama itu Wan Hanafiah punya? Contohnya macam beehun cap Naga Mas, yang popular itu.

Sebenarnya, kalau saya telah buat lama, tiba-tiba Wan Hanafiah tengok, jenama ini cukup laku di Chow Kit Road, dia pun buat cepat-cepat, dia pergi ke sana, lepas itu dia pun pergi daftar sama. Siapa yang sebenarnya berhak di atas jenama ini, kalau tidak didaftar. Saya ataupun Wan Hanafiah! Yang Berhormat hendak tanya siapa? Hendak tanya kepada orang yang makan—dia tidak tahu. Hendak tanya trade record, siapa yang mendaftar perniagaan lama—tidak tahu, sebab walaupun tahu, tetapi saya boleh buktikan jenama ini mungkin baru ataupun lama. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah boleh supaya bila terlaksana sahaja Akta ini, kita hendak pastikan bahawa tuan punya hak Trade Mark tadi dipertahankan.

Macam Aminah Hassan, kita tahu walaupun Aminah Hassan itu sekarang orang lain telah beli, macam Sate Ria, kita tahu Kentucky ambil alih, okaylah. Lazaria belum dijual lagi dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, Lazaria yang dipunyai oleh FAMA. FAMA mengeluarkan jenama Lazaria, tetapi saya tahu FAMA tidak daftar.

Sekarang saya tahu, sekarang baru saya teringat, memang FAMA tidak daftar, sebab nama itu memang saya sendiri di antara penciptanya—Lazaria. Tetapi kalau hari ini, Wan Hanafiah pergi daftar, fasal apa seronok nama dia—tidak tahulah. Dia pergi daftar nama Lazaria, dari segi haknya, nama ini dia punya. Tiba-tiba keluar undang-undang ini, saya hendak pergi daftar, Pendaftar itu kata: “Oh, tidak boleh, ini Wan Hanafiah punya Lazaria.” Macam mana Yang Berhormat hendak buat? Pada hal kita tahu, yang buat Lazaria di semua gerai-gerai, FAMA punya. Wan Hanafiah pun pergi berunding dengan FAMA, kalau hendak beli nama saya, bayar sekian-sekian banyak—sebagai contohlah. Itu satu, Lazaria.

Dan banyak lagi, yang agensi Kerajaan buat nama—tidak daftar. Lagi satu Pasar Rakyat, saya kurang pasti. Saya pun dahulu hendak test tengok, apa hendak jadi ini. Saya cepat-cepat pergi daftar nama itu. Tiba-tiba Pendaftar terima nama itu. Jadi, agensi berkenaan membuat perniagaan yang bukan dia punya, jenama itu saya punya—sebagai contoh. Kita hendak uji undang-undang ini, sejauh mana undang-undang ini sebenarnya boleh mempertahankan hak orang yang mengeluarkan jenama yang berkenaan.

Buku-buku ini susahlah sedikit, saya hendak bercakap, sebab dia panjang cerita, kita boleh buat secara terperinci, saya juga buat thesis tetapi saya curi di sana sedikit, di sini sedikit, saya tulis juga footnote dia.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tetapi ini untuk jenama ini, saya kurang pasti, tetapi ada dua tiga Jabatan Kerajaan, Pasar Tani Peladang.

Kalau ada orang nakal pergi daftar hari ini nama ‘Peladang’—habislah. Kari Peladang, termasuk Arqam. Ini Arqam tidak didaftar, saya pasti kawan-kawan saya dalam Arqam ini tidak didaftar. Kalau Hamid atau sesiapa pergi mendaftar di atas nama Arqam, dia punya Arqam bukan Ustaz Ashaari. Sekarang ini siapa yang hendak mengambil alih Arqam tidak payah haram-haram, buat pening kepala, pergi daftar. Saya ingat siapa-siapa boleh pergi daftar di atas nama Arqam hari ini, Arqam dia punya—bukan Ustaz Ashaari. Saya minta orang Arqam tolong ambil perhatian, pergi daftar cepat-cepat sedikit sebab dari segi hak, jenama ini orang yang punya, orang yang mendaftar. Sekarang ini betul juga, dia datang sendiri, terfikir, rupanya Arqam ini tidak perlu kita haramkan. Sekarang ini Arqam tidak didaftarkan. Kalau Pak Nik pergi daftar, dia punyalah Arqam itu—sebagai contoh. Banyak lagi, dan PAS saya tengok baru-baru ini, dia ada satu koperasi, saya terbaca dalam satu majalah. Apa nama Koperasi PAS Pak Nik, yang baru keluar jenama itu, saya lupa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Kohilal Sdn. Bhd.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kohilal, daftar atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Arshad: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Daftar—okay. Kalau tidakkan, saya pergi daftar esok, PAS tidak berhak ke atas koperasi itu, dia kena datang berjumpa saya—sebagai contoh. Ini bukan, hanya hendak memberitahu supaya kita terlindung, dilindungi. Sebab orang-orang sekarang bukan jahil tentang undang-undang, tetapi dari segi jenama itu, Trade Mark itu orang tidak pasti.

Mungkin Kohilal ini nama syarikat—Kohilal Sdn. Bhd. Tetapi ada barangan Kohilal ini yang tidak didaftar, itu Pak Nik kena balik beritahu kawan-kawan, sebab saya hendak jagalah, bermusuh politik, musuhlah, rezeki tidak hendak ganggu. Beritahu supaya daftar nama itu, sebab bila nama itu popular, orang lain pergi daftar, dia tidak ada hak, orang lain yang punya. Macam kata Kohilal kari, ataupun dia bubuh nama Puteri Kohilal Tersayang atau apa sahaja di situ, tiba-tiba barang itu laku, saya pergi daftar—saya punya Pak Nik. Dan Pak Nik selepas ini saya pergi ke Pendaftar kata: “Dia tidak boleh dibenarkan mengeluarkan jenama itu lagi, jenama itu hanya saya sahaja boleh keluarkan.” Ini benda-benda yang saya rasa perlu diberi perhatian serta merta untuk hendak pastikan supaya pengeluar dijamin, pengguna juga terjamin, sebab pengguna hendak beli barang yang sebenarnya dikeluarkan oleh orang yang berkenaan ataupun pengeluar yang berkenaan. Pengeluar juga hendak pastikan bahawa mereka mengeluarkan barang yang berkenaan yang merupakan hak mereka.

Jadi, sekurang-kurangnya kalau terjadi, kalau barang makanan terutamanya, terjadi sakit perut dan sebagainya, kita boleh pastikan bahawa pengeluar itu diambil tindakan serta-merta. Di antara tempat yang perlu dia beri perhatian serta-merta berhubung dengan undang-undang ini termasuk bandar-bandar besar. Saya hendak minta sebab ‘LIMA 1993’ Langkawi akan datang tidak lama lagi, supaya cepat-cepat Yang Berhormat dengan Menteri, Menteri pun hendak bertanding UMNO, bolehlah pergi ke Langkawi. Cepat-cepat pergi ke Langkawi pastikan tidak ada barang tiruan di Langkawi, kalau tidak kita

malu. Walaupun roti canai dahulu semasa LIMA dahulu harganya sampai RM20, RM30 sekeping, tetapi kalau roti canai original daripada kawan di bawah pokok ceri itu—okay. Tetapi bagaimana kalau roti canai yang tidak original? Itu sebagai contoh. Kita hendak pastikan supaya Langkawi tidak ditimbunkan dengan barang-barang tiruan di mana orang-orang luar yang datang ditipu dan sebagainya. Walaupun setengah dari mereka sudahlah terpaksa makan makanan yang mahal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Teluk Kemang.

5.12 ptg.

Dr. T. Marimuthu (Teluk Kemang):
Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Akta Cap Dagangan (Pindaan) 1993. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang memperkenalkan Akta Cap Dagangan ini. Langkah Kerajaan dalam meminda dan memperkenalkan Akta ini bertujuan untuk memberi satu tafsiran yang lebih khusus untuk melindungi dan meluaskan takrif cap dagangan bukan sahaja untuk barang-barang bahkan diluaskan untuk meliputi perkhidmatan-perkhidmatan.

Ia perlu untuk melindungi bukan sahaja para peniaga, tetapi juga pengguna-pengguna yang seringkali dikelirukan atau deceived, dengan izin, dengan nama atau cap dagangan yang hampir sama.

Akta ini akan mengawal dan mewujudkan satu sistem pendaftaran yang teratur. Saya yakin Akta ini juga akan membanteras pengeluaran barang tiruan yang berleluasa dan melindungi perkhidmatan profesional yang sedang berkembang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah masa yang sesuai untuk memperkenalkan Akta ini. Langkah meluaskan Akta ini kepada perkhidmatan adalah satu langkah yang wajar dengan kadar peredaran masa sekarang dengan perkembangan pelbagai perkhidmatan yang lebih profesional yang memerlukan satu jenis pengawalan ataupun protection di bawah peruntukan undang-undang.

Saya harap Akta ini juga dapat memberi satu perlindungan atau guarantee untuk peniaga-peniaga dengan mendaftarkan cap dagangan masing-masing. Kemasukan seksyen 19 yang mengadakan peruntukan bagi larangan ke atas pendaftaran cap dagangan yang serupa atau sama dengan dipunyai oleh tuan punya yang berlainan dan mungkin mengelirukan mengenai perkhidmatan yang sama atau barangan yang ada hubungan rapat dengan perkhidmatan itu. Perkara ini adalah untuk menghindarkan masalah yang akan berlaku setelah kedua-dua syarikat ini menjadi terkenal dan akan merebut hak ke atas nama tersebut. Kuasa penolakan permohonan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat iaitu ROC dapat memberikan satu perlindungan perniagaan yang lebih baik yang boleh menjadi satu daya penarik kepada pelabur-pelabur asing dan pengeluar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini juga menjadikan produk keluaran Malaysia lebih dipercayai dari segi jenama dan kualiti atas sebab ianya dilindungi oleh Akta ini.

Peruntukan sistem perekodan dan memperkemaskan dan merapikan sistem pendaftaran perniagaan dan rekod ini dapat membantu dalam mengesan mana-mana peniaga yang memberi nama-nama atau perkhidmatan yang boleh menimbulkan konflik. Saya harap bahawa peruntukan bagi menubuhkan pejabat cawangan cap dagangan akan mencepatkan pendaftaran cap dagangan yang akan mempertingkatkan kualiti perdagangan dan perkhidmatan di negara kita.

Walaupun Akta ini telah mengkemaskinikan beberapa isu mengenai cap dagangan, manfaat yang penuh tidak boleh didapati jika enforcement atau implementation, dengan izin, tidak begitu berkesan. Ini adalah satu kelemahan kita harus mengatasi.

Dengan itu, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Seremban.

5.24 ptg.

Tuan Yim Chee Chong (Seremban):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Satu jam!

Tuan Yim Chee Chong: Satu jam—bukan hari ini, hari ini 10 minit sahaja, dan lain hari satu jam—bukan 10 jam.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menegur tentang sikap DAP. Tetapi nampaknya saya mengesah, tidak ada satu orang DAP pun di dalam Dewan ini. Ini menunjukkan mereka tidak mengambil berat tentang hal ehwal negara kita, tentang perpincangan di dalam Dewan yang mulia ini. Tadi saya baru dengar kawan saya dari Tanjong Karang yang

mengatakan DAP semua balik. Saya tengok memang semua orang balik pada petang ini. Hari ini sidang Parlimen pertama, tetapi nampaknya tidak ada seorang pun. Tadi saya mengatakan saya ingin menegur sikap DAP pada petang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi mengatakan beliau tidak puas hati kerana dia kata Akta ini baru sahaja dipinda dalam Dewan ini. Tetapi kawan saya dari Padang Terap menyebut bahawa Rang Undang-undang Pindaan ini telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat empat bulan dahulu. Jadi, ini menunjukkan kelemahan dari DAP. Mereka tidak buat kerja, tidak buat homework. Ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional kerja lebih kuat daripada puak Pembangkang. Betulkah atau tidak? (*Ketawa*) Memang betul. Kawan saya dari Parit Sulong tadi berkata atas hal ini dan kemudian Bukit Bintang kata dia sibuk. Bila orang mengatakan empat bulan dahulu telah diedarkan Pindaan ini, dia kata sibuk. Tetapi kawan saya dari Parit Sulong kata dia sibuk, bukan sibuk berkhidmat untuk rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sikap DAP selalu membohong kepada rakyat jelata. Sungguhpun perkataan 'pembong' tidak boleh digunakan di dalam Dewan ini, tetapi kalau orang-orang yang betul membohong, terutama Ketua Pembangkang—tak lama dahulu bila saya katakan Ketua Pembangkang adalah seorang "ketua pembong", saya diminta tarik balik perkataan "pembong" itu—sebenarnya ataupun pada hakikatnya kalau seseorang yang bohong, saya harap satu hari Dewan ini akan membenarkan saya menggunakan perkataan "pembong" dalam Dewan

ini. Kawan saya dari Padang Terap yang baru saja masuk, telah berucap tadi. Ini sangat baik, dan saya ingin memujinya kerana ia tunjuk jalan kepada DAP, kerana Pindaan ini dibentangkan untuk perbahasan bukan baru hari ini. Ianya telah diedarkan empat bulan dahulu. Ini adalah "well done" saya hendak katakan kepada Wakil dari Padang Terap. Tadi sebelum Yang Berhormat masuk saya kata, "you sangat kuat kerja, dan ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional MPs kerja kuat." Betullah, senyum sahaja nampaknya!

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana mengemukakan Pindaan ini untuk berbahas dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Pindaan ini adalah dikaji dengan teliti oleh Kementerian berkenaan. Tujuannya bukan sahaja untuk memajukan perdagangan dalam negeri, tetapi juga dengan tujuan untuk memajukan perdagangan di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan adalah senantiasa mengikut kehendak semasa rakyat jelata, seperti Pindaan Perlembagaan tentang hak Raja-raja dalam negeri baru-baru ini. Bila DAP hendak buang undi, mereka tak undi. Bila tak undi dalam hal ini mereka telah hilang sokongan dari rakyat jelata di Malaysia ini. Kemudian mereka undi. Ini menunjukkan "opportunist" DAP. Pindaan adalah baik untuk nusa dan bangsa dan adalah mengikut kehendak rakyat semasa.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Pindaan ini seperti saya mengatakan tadi bukan sahaja untuk memajukan perdagangan dalam negeri bahkan juga memajukan perdagangan antarabangsa.

Ini adalah untuk menjayakan Wawasan 2020. Sebab itu, saya menyokong dengan penuh hati. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Santubong.

5.29 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian dalam membahar serta menyokong Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan 1976.

Berlanjutan dengan sokongan-sokongan atau hujah-hujah yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, iaitu banyak dari segi bidang antarabangsa, terutama sekali GATT dan Konvensyen Paris dan juga mengenai pegawai-pegawai untuk mengawal dan menyelaras pelaksanaan undang-undang ini seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan dari segi untung rugi perniagaan atau foreign exchange di negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Indonesia yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat dari Arau.

Saya menyokong mengenai tindakan yang harus diambil oleh Kementerian mengenai cap-cap tiruan dan kewujudan pegawai-pegawai yang terlatih dan pakar di dalam hal-hal cap dagangan dan dari segi persaingan di negara-negara jiran, khasnya Thailand, Singapura dan Indonesia. Ini adalah sangat perlu bagi pelaksanaan yang akan menjayakan Akta atau Rang Undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rang Undang-undang ini, di bawah seksyen 11 Akta itu, dengan pindaan

subseksyen (1), iaitu untuk membolehkan sesuatu cap dagangan didaftarkan, cap dagangan mestilah berhubungan dengan barang-barang dan perkhidmatan yang dicadang didaftarkan. Di sini, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Kementerian dari segi adakah Jawatankuasa tertentu untuk menilai hal-hal yang demikian dan sudahkah dimasukkan sensitiviti dari segi faktor-faktor agama, budaya dan kejantinaan, lebih-lebih lagi di mana cap dagangan ini merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan.

Selalunya kita dapati bahawa terdapat banyak "negative portrayal", dengan izin, mengenai wanita-wanita yang banyak dipertunjukkan, yang akan digunakan sebagai cap dagangan. Sekarang ini bukan hanya "negative portrayal" mengenai wanita, tetapi termasuk juga "negatif portrayal" lelaki dan juga kanak-kanak atau menggunakan tanda-tanda yang tidak berkenaan dengan barangan atau khidmat-khidmat tersebut. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Yang Berhormat, mengenai tanggungjawab jawatankuasa-jawatankuasa yang akan menilai atau bagaimana hendak menerima atau menolak cap-cap dagangan yang akan digunakan.

Satu lagi, iaitu Fasal 8(1), saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Yang Berhormat mengenai tanda "distinktif", iaitu harus didaftarkan dalam Bahagian A Daftar, dan di bawah Fasal 9(a) pula, pendaftaran dalam Bahagian B Daftar. Bolehkah nanti Yang Berhormat memperjelaskan apakah bezanya mengenai Bahagian A Daftar dan Bahagian B Daftar?

Di bawah seksyen 14 pula ada tersebut: "Jika ia mengandungi perkara yang pada pendapat Pendaftar memudaratkan atau mungkin memudarat-

kan kepentingan atau keselamatan negara". Ini saya kaitkan bersama-sama dengan "negative portrayal" tadi di mana faktor-faktor ini harus ada, supaya selain dari mendaftarkan cop-cop dagangan, kita juga harus sensitif kepada jenis-jenis portrayal yang digunakan sebagai cap-cap dagangan. Di bawah seksyen 22, dikatakan bahawa "Pendaftar boleh pada bila-bila masa menghendaki supaya cap-cap dagangan itu dicatatkan dalam Daftar sebagai cap-cap dagangan berkaitan."

Adakah Pendaftar yang membuat keputusan ini atau dirujuk semula kepada tuan punya-tuan punya cap dagangan tadi supaya ianya dibuka atau diubahkan supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada cap-cap dagangan yang hampir-hampir serupa? Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada Pendaftar yang membuat keputusan ini atau ianya dirujuk semula kepada tuan punya-tuan punya.

Jadi, pada keseluruhannya, saya menyokong pindaan Akta ini sebab ianya membolehkan juga pembangkangan dibuat ke atas cap dagangan yang tidak dipersetujui, mahupun dari segi persamaannya dengan cap dagangan yang lain, barangan atau perkhidmatan dan juga jikalau cap dagangan itu bercorak negatif dan menonjolkan. Dan seperti yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat tadi tujuan mengadakan Akta pindaan ini adalah memudahkan lagi pemprosesan atau prosedur-prosedur untuk mendaftarkan cap-cap dagangan.

Jadi, saya berharap dengan adanya pindaan ini, maka prosedur memohon atau membangkang cap dagangan akan dikawal dan diselaraskan dengan lebih teratur, tetapi tidak melupai faktor-faktor yang telah disebutkan oleh

rakan-rakan saya tadi, terutama sekali rakan saya daripada Parit Sulong, iaitu mengenai tidak hanya berkesan dengan adanya Akta tetapi jentera pelaksanaannya harus juga sempurna, terutama sekali dari segi pegawai-pegawai yang terlatih dan pakar untuk mengendalikan pelaksanaan Akta-akta ini.

Mengenai seksyen 48, saya hendak tahu bagaimana prosedur digunakan untuk menggunakan cap dagangan tersebut. Adakah client yang ingin menggunakan cap dagangan itu memohon dahulu kepada tuan punya atau memohon kepada Pendaftar? Bagaimana jika ada bantahan dari pihak ketiga pula, iaitu orang lain yang tidak setuju cap dagangan ini digunakan? Mungkin dia ada kepentingan sendiri, misalnya, dia hendak menggunakan dahulu daripada orang lain. Jadi, ini juga harus diperkemas di dalam pindaan Akta tersebut.

Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat dari Arau supaya perkara atau masalah cap dagangan atau pertikaian diselesaikan oleh Pendaftar dan tidak dibawa ke mahkamah. Sebab kita telah mengetahui bahawa mahkamah pada masa ini banyak backlognya sendiri dan jika ditambahkan lagi bidang tugas-bidang tugas yang baru, saya rasa pihak mahkamah akan menghadapi lebih bebanan berbanding dengan kalau ianya diselesaikan di peringkat Pendaftar. Pada masa yang sama, Pendaftar ini mempunyai rekod-rekod yang lengkap, kalau mengikut tugas-tugas yang telah diterangkan di dalam pindaan Akta tersebut.

Jadi, dengan semua teguran membina yang dibangkitkan sedikit-sebanyak, kita berharap Kementerian dapat membuat pindaan semula dan

meneliti mengenai beberapa perkara yang mungkin tertinggal atau harus ditokoh-tambahkan dan kita berharap beberapa hujah tadi diambil kira untuk mengemaskinikan Rang Undang-undang ini supaya ia bukan sahaja memudahkan pemprosesan prosedur tetapi juga menghapuskan gejala-gejala produk tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin.

4.38 ptg.

Datuk Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis (Rompin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cap Dagangan, 1976. Saya berpendapat sama seperti rakan-rakan saya sebelum ini, bahawa sudah kena pada masanya suatu Akta untuk melindungi cap perdagangan dibawa ke Parlimen, yang bukan sekadar diluluskan, tetapi hendaklah dilaksanakan secepat mungkin. Ini memandangkan demi hari ke hari kita telah mendengar banyak pengusaha-pengusaha yang menimbulkan berbagai permasalahan, oleh kerana cap dagangan mereka telah ditiru oleh pengusaha-pengusaha lain. Kadang-kadang pengusaha-pengusaha ini boleh dipanggil sebagai 'fly by night operators' yang sebenarnya tidak melabur, tidak berusaha secara yang asli atau secara yang sebenar dari segi mengadakan industri atau mengadakan kilang, tetapi menggunakan cap dagangan ini dengan menjual barang-barang yang, dari segi mutu dan kualitinya adalah rendah, dari keupayaannya adalah tidak asli, iaitu merupakan tiruan.

Saya mewakili masyarakat di Rompin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian. Satu Akta yang amat timely dikemukakan kepada kita pada hari ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh dari segi cap dagangan ini. Seseorang pengusaha yang mempunyai cap dagangan yang didaftarkanya, sudah semestinya meletakkan pelaburan yang tinggi dari segi kos yang telah dilaksanakan untuk mengetengahkan cap dagangannya. Antara kos-kos yang dilaburkan ialah dari segi pengiklanannya, dari segi promotionnya, dari segi publisitinya yang dikaitkan dengan cap dagangan yang diketengahkan dan dipasarkan dan kalau cap dagangan ini sewenang-wenangnya ditiru dan digunakan oleh orang lain, sudah semestinyalah pengusaha yang mengetengahkan cap dagangan itu akan berlaku satu ketidakadilan dan berlaku satu kerugian besar kepada mereka.

Oleh kerana itulah saya rasa amat wajar sekali Akta ini diketengahkan dan seperti rakan-rakan juga, walaupun Akta ini dibentangkan dan kita harap diluluskan tetapi dari segi pelaksanaan dan pengawasannya hendaklah juga dipertekankan dan dikendalikan dengan serius. Tidak ada gunanya kita mengetengahkan sesuatu Akta, tidak ada gunanya kita adakan peraturan, tidak ada gunanya kita ada undang-undang tetapi dalam segi pelaksanaannya tidak ada. Ia akan tinggal sebagai satu kertas sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kos pengiklanan atau kos promosi untuk mempopularkan sesuatu jenis cap dagangan itu, ia juga melibatkan dengan kualiti. Kita dengar bahawa melalui tiruan cap dagangan ini, ramai pengguna-

pengguna tertipu membeli barang-barang bukan sekadar daripada nilai dan kualitinya rendah tetapi harganya paling tinggi oleh kerana terpengaruh dan tertipu dengan cap dagangannya yang palsu. Sebab itulah saya nampak bahawa Akta yang diketengahkan pada hari ini amat baik sekali dan perlu diberikan sokongan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi industri sendiri, kalau kita mahu pengusaha-pengusaha industri kita terus berkembang, mereka yang melabur perlu mendapatkan pulangan dan jikalau return dari pelaburan mereka dimanfaatkan oleh orang lain, oleh kerana cap dagangan itu telah ditiru oleh orang lain, sudah semestinyalah sedikit-sebanyak ia akan memberi kesan kepada pembangunan industri negara kita. Sebab itu orang kata “lembu punya susu, sapi dapat nama”. Orang lain yang berusaha, orang lain yang bekerja kuat tetapi orang lain yang mendapat manfaat melalui menggunakan cap dagangan yang ditiru dari orang lain.

Bukan sekadar dari segi pembangunan industri sahaja, pelabur-pelabur luar negeri sendiri sudah semestinya mereka tidak akan ke negara kita untuk melabur, membukakan industri, membukakan kilang kalau selepas mereka mengadakan industri mereka, mengetengahkan satu produk yang baik, esoknya ada satu lagi orang lain menggunakan cap dagangan mereka mengeluarkan barang yang kualitinya amat rendah, productionnya amat rendah tetapi mendapatkan manfaat. Sudah semestinya pelabur-pelabur luar negara kita akan tertanyanya sama ada negara kita negara yang baik untuk mereka hendak melabur.

Oleh kerana itu saya nampak bahawa perlindungan cap dagangan daripada Akta yang kita bentang pada

hari ini amat kena pada tempatnya. Ia sedikit-sebanyak akan juga membawa satu manfaat mengetengahkan dan menarik lagi pelabur-pelabur kita membuka lagi, membawa industri-industri dan kilang-kilang mereka ke negara kita. Bila industri-industri ini membesar, banyak lagi pelabur-pelabur datang dan sudah semestinya ia akan membawa kepada unsur untuk memajukan negara kita sebagai satu negara industri yang kita semua impikan dan kita semua mahukan pada tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi sebelum saya menutup ucapan saya ataupun penyertaan saya dalam perbahasan ini ialah dari segi pengawasan atau pengesanan. Saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian, bagaimana kita dapat mengesan sesuatu cap dagangan itu ditiru? Adakah kita masih menunggu komplek daripada pengusaha-pengusaha? Adakah Kementerian akan memperkukuhkan atau mengadakan satu jabatan atau tenaga yang khusus untuk melihat bagi mengawasi atau melindungi daripada mereka yang cuba hendak meniru cap dagangan yang kita katakan itu.

Yang akhirnya, dalam Akta ini saya tidak nampak bahawa ada fine dikenakan seperti biasanya apabila seseorang itu melanggar traffic light, dia akan kena tahan atau masuk jel seminggukah, denda RM10 ribukah, saya tidak nampak dari segi dendanya. Adakah kita serahkan kepada mahkamah? Adakah peruntukan-peruntukan yang tertentu? Kalau orang bawa dadah, dikatakan akan kena compulsory death penalty. Maknanya kita memandang berat kepada pengedar dadah, dapat tangkap—gantungan mandatory death sentence. Kalau benar-benar kita nampak

bahawa kita hendak melindungi betul-betul, tidak mahu mereka meniru cap-cap dagangan pengusaha-pengusaha yang genuine ini, apa dia sebenarnya dari segi usaha kita hendak memberi tahu kepada mereka ini bahawa kalau kamu tiru cap dagangan, ini padahnya. Apa dia denda yang khusus yang kita boleh denda kepada mereka yang didapati bersalah di mahkamah nanti.

Sekian, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian kerana mengemukakan suatu pindaan kepada Akta Cap Dagangan 1976 yang saya kira amat baik dan kena pada tempatnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jerai.

6.47 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bangun menyokong Akta Cap Dagangan 1976 dan saya kira memang kena pada tempatnya kerana pada ketika ini negara kita memang membangun dari segi perindustrian.

Saya amat menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Rompin. Kalau kita hendak menarik pelabur daripada luar negeri, kita mesti memastikan bahawa setiap sen yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur ini mendapat pulangan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji dan kita lihat negara jiran kita di sebelah Utara, kita boleh dapat membeli berbagai-bagai jenis jenama barang. Kalau kita hendak baju jenis "Dunhill" ada. Kalau kita hendak tali pinggang jenis yang baik-baik ini semua ada. Cap "Buaya" atau "Crocodile"

ada. Kalau kita hendak pen jenis "Dunhill" pun ada. Kasut jenis baik semua pun ada di negara jiran kita.

Jadi, yang menjadi masalahnya pada hari ini, masyarakat kita ini di dalam sebuah negara yang begitu maju, ekonomi begitu baik, masyarakat kita sekarang ini membeli "cap". Kadang-kadang baju itu sama, kualitinya sama, kainnya sama. Kalau kita beli baju T-Shirt misalnya kata cap "Payung", kita beli dengan harga RM100 ke atas tetapi di negara jiran kita, sambil orang pergi melancong dan berseronok-seronok, dia beli baju itu juga dengan harga yang tidak sampai RM100, mungkin dalam RM40 atau RM50.

Jadi, inilah yang perlu kita pertahankan industri-industri yang masuk ke dalam negara kita ini supaya jangan negara kita ini menjadi sebuah negara yang caca-marba dari segi barang-barang keluarannya. Kadang-kadang kita beli kasut di negara jiran sebelah Utara, brandnya cukup baik—katakanlah cap "Bally", tetapi kalau kita beli brand daripada negara Utara tanah air kita, seminggu ataupun dua bulan setelah kita pakai, kasut itu akan makan kaki kita balik, dia gigit kaki balik ataupun bila kena air, dia kembang dan kasut itu terkoyak tetapi brand itu memang brand yang ternama dan benda ini telah berlarutan dan telah masuk ke Langkawi. Saya sendiri biasa terkena. Kita beli jam cap "Charles Jourdan", pakai baju jenis lengan pendek kerana hendak beri orang tengok yang kita pakai jam "Charles Jourdan". Dua bulan lepas itu, ia makan peluh, habis turun warnanya.

Harga yang saya bayarpun harga Charles Jourdan. Jadi yang ini yang kita tidak mahu. Jadi benda-benda ini sekarang ini sudah berleluasa di

Malaysia ini. Kita pergi Chow Kit Road macam-macam brand ada. Kita hendak pakai jam Rolex pun ada, yang bubuh intan berlian itupun ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi inilah yang membimbangkan barangkali pengusaha-pengusaha hendak masuk ke dalam negara kita yang hendak melaburkan wang beribu-ribu dan berjuta-juta ringgit. Hinggakan Tuan Yang di-Pertua, ada satu pengusaha bumiputera yang mengeluarkan “toyu”, minta maaf—kicap. Di Utara, dia kata “toyu”. Kicap inipun kerana laris dalam pasaran, orang telah menggunakan cap tiruan dan memasarkan benda ini di dalam pasaran. Jadi ini yang kita kena jaga. Jadi cap yang asli ini, barang-barangnya baik, kimianya baik, rasanya sedap—yang tidak asli ini Tuan Yang di-Pertua, macam-macam. Kadang-kadang dua hari yang lepas itu, kicap itu meletup, makan buih lebih, gasnya lebih. Ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena serius, Kementerian kena serius. Macam Yang Berhormat dari Rompin kata tadi, apakah denda yang kita hendak kenakan? Macam cetak rompak lagu-lagu penyanyi-penyanyi pop kita ini, dia orang menyanyi siang malam hendak dapat sedikit duit, bukan main seksa Tuan Yang di-Pertua, rata stage menari dan menyanyi cari makan, mai geng-geng ini dia cap rompak dan dijual dengan harga yang murah. Akhir-akhirnya penyanyi kita ini susah hendak jadi millionaire. Penyanyi-penyanyi luar negeri Tuan Yang di-Pertua, satu lagu....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya banggalah dengan saranan Yang Berhormat hendak kenakan denda kepada orang yang merompak kaset-kaset. Bagaimana yang mencuri atau merompak penyanyi pula?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang itu Tuan Yang di-Pertua, kita tengok jenisnya. Kalau yang baik itu kita ikhtiarlah ambil balik. Kalau yang teruk itu kita “write-off—buanglah, Tuan Yang di-Pertua. Tidak bersusah payah, kita kerja lain banyak lagi. Jadi tidakkanlah kita hendak bubuh cap di belakang penyanyi, Tuan Yang di-Pertua. Jenuh puak-puak Kementerian hendak pergi selak tengok cop di mana. Jadi tidak bolehlah, bukan? Yang itu tidak apa.

Tetapi masalahnya macam-macam rekod-rekod mereka, barang-barang keluaran syarikat ini mesti diadakan cap dan Kementerian mesti ambil tindakan yang tegas. Jangan bagi peluang. Pasal kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat satu-satu jenis bahan itu ataupun satu-satu jenis barang keluaran itu, dari segi publisitinya kita kena belanja berjuta-juta ringgit. Bila jenama tersebut telah terkenal maka adalah kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab, dia buat juga benda yang serupa, yang mengelirukan masyarakat, yang mengelirukan pengguna dan yang menumpang dan yang menumpang senang di atas kesusahan orang lain.

Jadi pada orang yang suka menumpang senang di atas kesusahan orang lain ini memang tidak bagus. Macamlah kadang-kadang kita tengok bila kereta accident di tepi jalan, bukan kita hendak tolong, setengah masyarakat dia tidak pergi tolong, dia pergi tengok nombor kereta orang itu

untuk hendak beli pada hari Sabtu dan Ahad, untuk agih keuntungan atas nombor kereta yang accident itu. Inipun berlaku Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita tidak mahu masyarakat kita ini mengambil keuntungan di atas kesusahan orang lain.

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita kena pertahankan yang ini dan memang kena pada tempatnya Kementerian pada hari ini buatlah yang ini. Lepas Parlimen lulus ini, turun berjalan ke seluruh tempat di tanahair kita ini pastikan bahawa negara kita ini bersih daripada benda-benda tiruan. Terutama sekali di Pulau Langkawi pada hari ini kita sedang menaikkan nama Langkawi. Kita katakan pulau bebas cukai dan banyak masyarakat dalam negeri dan juga pelancong-pelancong luar negeri pergi ke Pulau Langkawi. Hujung tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, ada LIMA'93 pula. Sambil hendak tengok kapal terbang, hendak tengok kapal laut, masyarakat dan pelancong-pelancong ini akan shopping, beli baju, beli perkakas dan barang-barang dan kita tidak mahu pelancong-pelancong ini terbeli barang-barang tiruan.

Sudahlah sekarang ini buah limau daripada luar negeri terutama sekali dari sempadan Negeri Perlis, kerana Yang Berhormat dari Arau dia kurang mempertahankan buah ini masuk banyak, jadi buah limau Malaysia ini mereka tidak mahu. Mereka kata kurang manis, limau negara jiran sebelah itu manis lagi. Hinggakan ayam yang mereka bawa masuk dari negara jiran itu mereka kata sedap daripada ayam dalam negeri. Jadi kalau kita hendak cap ayam itupun tidak boleh. Jadi inilah kita kena pertahankan Tuan Yang di-Pertua. Mereka kata buah anggur dari negara jiran itu sedap, sedangkan buah anggur sudah ditanam di negara kita, cuma ia lambat manis sikit sahaja—tapi kita tidak makan.

Jadi yang inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri yang lemah-lembut, sungguhpun lemah-lembut dia tegas. Menteri ini dia lemah-lembut, Tuan Yang di-Pertua, tetapi pegawai-pegawai inipun kena kemas.

Satu lagi, macam mana kita hendak pasti benda itu tiruan atau tidak tiruan. Ini saya ingat kenalah beri kursus yang sebaik-baiknya. Kerana yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kadang-kadang yang menjadi mangsa ini pekedai-pekedai. Bila orang datang hendak jual barang-barang ini, dia kata ini dari brand atau jenama yang terbaik, dia kata dia menjadi pengedar, maka dia ambil barang ini dengan harga yang berpatutan dan dia jual, dan yang menjadi mangsa ialah apabila benda ini diletakkan di kedai dan dijual di kedai, apabila pegawai dari Kementerian datang untuk membuat siasatan, yang menjadi mangsa ialah pekedai-pekedai ini. Jadi saya berharap kalau boleh Kementerian pun kena mengambil inisiatifnya untuk memberi khidmat nasihat kepada pekedai-pekedai ini supaya mereka jangan terkena, supaya mereka ini jangan terperangkap dalam kes penipuan tentang cap-cap ini. Kalau kita tidak beri penerangan, penjelasan yang sewajarnya maka mereka ini akan didenda dan orang lain yang untung. Orang yang meniru itu untung, yang ruginya si pengedar, si peruncit dan juga si pengeluar itu.

Jadi Kementerian ini kena ambillah satu tindakan yang tegas supaya apabila Akta ini diluluskan dan kita "implement"kan authority ini, biarlah ia berjalan dengan seadil-adilnya.

Kita tengok jika ada syarikat-syarikat yang membuat kerja-kerja yang tidak senonoh ini, hendaklah

diambil tindakan yang sewajarnya supaya tindakan-tindakan ini akan menjadi pengajaran kepada mereka. Bermaknanya kalau hendak berniaga, berniaga betul-betul jangan berniaga ambil untung atas orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu berkenaan cap dagangan ini yang perlu kita titikberatkan ialah tentang bahan-bahan makanan. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, manusia di tanah air kita ini ataupun rakyat di Malaysia ini duit banyak. Sebab itulah bila duit banyak, ramai manusia sakit dan kadang-kadang makanan hari ini mengandungi banyak racun. Kalau kita ambil contoh padi, Tuan Yang di-Pertua. Bila kita tanam padi, kita hendak bunuh serangga, kita bubuh racun serangga. Sebab itulah orang zaman sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, hidup tidak lama. Kalau hendak dibandingkan dengan orang tua-tua dulu, umur seratus tahun hari ini boleh baca "A" "B" "C" lagi tetapi yang zaman sekarang ini bila umur 50 tahun dia mula kadang-kadang dia stroke, kadang-kadang dia high blood pressure lah, kencing manis lah—macam-macam penyakit. Yang ini pasal apa, Tuan Yang di-Pertua? Kerana bahan-bahan makanan yang dipasarkan itu tidak mempunyai kualiti-kualiti yang terbaik dan kadang-kadang bila syarikat-syarikat yang jenama terbesar membuat barang-barang ini, ada pula syarikat-syarikat yang kecil-kecil lain menumpang untuk menggunakan cap-cap ini dan dipasarkan di dalam pasaran, dan ini mengelirukan masyarakat dan apabila masyarakat membeli mereka ini membayar dengan harga yang lebih tetapi menikmati bahan makanan yang bermutu rendah.

Jadi yang ini kena jaga pasal pegawai-pegawai daripada Kementerian pun makan juga. Jadi kena jaga supaya jangan kita pergi kepada benda yang

baik, baju, kasut dan sebagainya, kita lupa kepada barang makanan. Bukanlah maksud saya kalau laksanakan kena bubuh cap di tiap-tiap urat laksa itu, jenuhlah kita telan dengan cap-cap sekali, ataupun bihin itu semua. Bermakna biar jenama itu yang baik dan walaupun syarikat ini kecil-kecilan, Kementerian juga kena asuh mereka ini ke arah manakah bila kita hendak berniaga ini. Di samping hendak mengaut keuntungan, pengguna-pengguna ini juga mesti mendapat nikmat daripada keuntungan mereka ini. Jadi jangan kita pergi tangkap sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita kena perbetulkan juga. Apabila kita tangkap seseorang itu kita kena nasihatkan dia.

Kalau kita bawa dia pergi ke mahkamah, kita jatuh hukum, dia bayar denda tidak menyelesaikan masalah. Macam sekarang ini, rekod-rekod yang ada di tepi jalan ini. Kita tangkap, kita denda mereka, lepas balik, dia berniaga lagi kerana keuntungan yang dia dapat daripada perbuatan mereka ini melebihi daripada denda yang mereka kena bayar. Jadi, mereka tidak takutlah.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena seimbangkan supaya biarlah tauke makan daging. Jangan kadang-kadang tauke yang makan kuah, orang lain makan daging. Jika sistem macam ini ada, maka orang tidak berani datang hendak melabur di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi yang saya hendak terangkan di sini iaitu berkenaan dengan industri-industri kecil yang mengeluarkan bahan-bahan yang tidak didaftarkan jenama-jenama mereka ini. Saya kira pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewhal Pengguna kena bekerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan

Antarabangsa dan Industri untuk memastikan bahawa apa jua jenis barang-barang keluaran yang akan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang mereka akan ditubuhkan ini, pertama sekali mestilah jenama mereka ini didaftarkan. Dimestikan! Bukan hanya kepada syarikat yang besar ataupun syarikat-syarikat yang tertentu sahaja. Apa jua jenis barangan keluaran yang hendak dipasarkan kepada rakyat dan masyarakat mesti didaftarkan jenama itu. Dan untuk mendapat kelulusan (clearance) dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, barang-barang ini mestilah mendapat kelulusan daripada pihak SIRIM supaya bahan/benda yang dikeluarkan ini adalah baik untuk diguna dan dimakan dan elok untuk dipakai. Ini, kita kena tegas di sini.

Jadi, kadang-kadang kita dapat lihat pengusaha-pengusaha ini buat. Katakanlah dia tengok hari ini, perniagaan chilli sauce itu bagus, besok dia ada duit sedikit, dia mula perusahaan kecil buat chilli sauce dan mula dipasarkan di dalam pasaran dan chilli sauce ini tidak mempunyai mutu (standard). Benda ini dimasuk ke pasaran dan apabila benda ini masuk ke pasaran, ini akan menjejaskan kesihatan orang yang menggunakan dan memakan benda-benda tersebut. apatah lagi kalau barang-barang itu adalah barang-barang yang dimakan oleh kanak-kanak.

Kita dapat lihat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang-barang makanan untuk kanak-kanak seperti makanan ringan yang dikeluarkan dengan berbagai-bagai jenama, berbagai-bagai syarikat dan ini dijual di sekolah-sekolah, dijual oleh mamak-mamak yang menjual roti, dijual di supermarkets sedangkan makanan ini

makanan-makanan yang menjejaskan kesihatan kanak-kanak tersebut. Jadi, tindakan ini kita kena tegas jika kita hendak negara kita maju, masyarakat dan rakyat kita ini kena sihat. Kalau kanak-kanak daripada kecil makan benda yang tidak sihat, benda yang tidak baik, maka mereka ini kelak akan menjadi manusia yang tidak cerdik, manusia yang tidak sihat. Dan apabila manusia tidak sihat dan cerdik, maka negara ini pun akan menjadi negara yang lembab dan kurang maju. Ini serius, Tuan Yang di-Pertua.

Saya difahamkan kadang-kadang benda ini macam budak makan makanan ringan ini, dia akan mendapat penyakit buah pinggang, buah pinggang jammed. Jadi, kecil-kecil buah pinggang jammed budak-budak ini akan merana. Ini hasil daripada barang-barang keluaran yang tidak terbaik mutunya yang dipasarkan. Itu yang saya cadangkan supaya setiap barang keluaran makanan di tanah air kita ini mesti diluluskan oleh pihak SIRIM dan mesti mendapat kelulusan jenama oleh pihak Kementerian. Ini bermakna dua-tiga Kementerian kena pakat elok-eloklah supaya benda ini bila kita kata barang buatan Malaysia first-class. Bila kita kata barang keluaran dari Malaysia, barang ini terjamin—baik. Kalau kita bawa keluar, macam hari ini di Pulau Langkawi, kita kata minyak akar apa? Yang Berhormat dari Kota Setar, saya sudah lupa satu jenis akar ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Tongkat Ali.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tongkat Ali, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang pergi ke Pulau Langkawi, orang lelaki itu mula-mula dia cari Tongkat Ali. Jadi, macam-macam jenis Tongkat Ali sudah ada di

Pulau Langkawi itu. Kadang-kadang makan Tongkat Ali, itu mudarat balik. Bukan hendak jadi baik. Bukan hendak jadi sihat dan kuat. Dia jadi benda itu—lemah dan tidak sihat, demam. Jadi hal ini pun, tuan-tuan kena jagalah fasal, benda ini yang orang makan. dia bubuh dalam kapsul itu, lepas itu ditelan konon boleh menjadi kuat. Ini yang kita kena jaga. Begitu juga dengan minyak-minyak yang dijual di Pulau Langkawi itu.

Kadang-kadang pelancong-pelancong kata minyak ini untuk apa? Ini untuk hendak kuat. Tangan kalau terseliuh, kita urut akan jadi baik. Jadi, pelancong-pelancong dari luar negeri sudah beli. Beli-beli, balik pergi urut tangan terbakar! Hangat lebih. Penyakit tidak baik. Ini pun kena jaga. Fasal apa? Bila dia pergi balik ke negeri, dia kata “saya beli di Pulau Langkawi.” Pulau Langkawi di mana? Di Malaysia. Jadi, rosak negara kita. Jangan benda-benda besar sahaja, yang kecil-kecil ini pun kita kena ambil tahu. Benda yang orang makan itu kena jaga jenama dia supaya benda yang diluluskan oleh Kerajaan ini—makanan, pakaian dan sebagainya; benda-benda yang dikeluarkan oleh tanah air kita ini satu benda yang baik dan orang akan percaya kepada tanah air kita ini.

Kalau kita pergi ke sebuah negara, umpamanya negara jiran kita, kalau kita hendak beli benda kita was-was, original atau tidak original, kadang-kadang kita beli baju, kita beli Dunhill. Basuh tiga kali, Tuan Yang di-Pertua, kelabu balik tetapi cap-cap Dunhill. Kita tidak mahu benda ini jadi di sini. Kalau kita hendak beli jam, kita beli jam Rolex kita pergi ke sebuah negara, murah; tetapi selepas pakai sebulan dua, rosak. Jadi, inilah yang akan menjejaskan nama negara tersebut.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat inilah sahaja ucapan saya ataupun perbincangan saya dan saya berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pertamanya mesti kempen kepada masyarakat kita supaya masyarakat kita membeli barang-barang di mana jenama tersebut diiktirafkan oleh Kerajaan ataupun oleh SIRIM itu.

Yang keduanya, kita mesti memberi penerangan dan penjelasan kepada pengedar-pengedar dan peruncit-peruncit supaya mereka ini faham barang macam mana yang perlu mereka edarkan dan perlu mereka pasarkan.

Yang ketiganya, saya ucapkan syabas kepada Kementerian yang saya kira telah bertindak dengan cepat pada hari ini untuk membendung supaya orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini tidak mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan daripada syarikat-syarikat yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

6.08 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memberi pandangan terhadap perbincangan Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 1993 di mana saya ingin bangkitkan, yang penting ialah isi kepada pindaan kepada Akta ini, terutamanya bersabit dengan soal prosedur iaitu mengenai mekanisma pendaftaran cap dagangan.

Perkara ini penting sebab walaupun Akta yang ada di hadapan kita ini, suatu langkah yang cukup baik, bijak

dan menepati masa kerana pindaan ini sepatutnya sudah dibuat lebih lama dahulu. Sesudah adanya Konvensyen Paris, Rundingan Uruguay dan juga perbincangan bagi mengharmoniskan Undang-undang Cap Dagangan oleh WIPO (World Intellectual Property Organisation) dan juga disentuh pada waktu di Earth Summit di Rio de Janeiro pada suatu ketika dahulu dan juga Madrid Protocol. Tetapi dalam pelaksanaan cap dagangan ini, satu perkara yang penting ialah saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, yang paling utama nanti ialah dari segi prosedur. Prosedur ini penting kerana saya yakin akan berlaku banyak pertelingkahan mengenai "patent right" ini kerana ianya melibatkan masyarakat perdagangan yang akan cuba meraih keuntungan daripada hak orang lain. Ini dalam semua bidang.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jerai tadi memang tepat—makanan, pakaian, dicantum semua sekali. Tetapi kita ambil satu-dua contoh. Bukan sahaja masalah kita akan hadapi nanti mengenai cap dagangan yang dalam lingkungan negara kita tidak ada masalah. Tetapi kemasukan barang-barang asing seperti disebutkan Dunhill, Longines, Rolex yang tiruan ini dibawa kepada negeri lain yang tidak perlu kita sebut nama negara tersebut.

Tetapi kemasukan barang-barang ini boleh menjejaskan status negara kita dalam konteks untuk menjaga pattern right ini, kerana itu di luar kawalan kita selain daripada kecekapan dan keberkesanan anggota polis (UPP) yang menjaga sempadan negara kita. Tetapi dari segi soal prosedur yang saya hendak bangkitkan, apakah pihak Kementerian sudah mengenal pasti kalau di negara Barat prosedur mekanisme yang penting yang kita

bawa di sini, mengikut cadangan yang ada dalam Akta ini bahawa pindaan kepada seksyen 28 akan menghapuskan fungsi "Pejabat Pos" Pendaftar. Bermaknanya, tidak payah lagi. Maknanya berbangkit soal pendaftaran cap dagangan, pihak Pembangkang akan berhubung secara langsung antara satu sama lain dan tidak lagi melalui Pejabat Pendaftar seperti amalan sekarang. Okay, tetapi apabila timbul pertelingkahan bersabit dengan pattern right ini, saya hendak tanya apakah pihak Kementerian sudah mengenal pasti dari segi syarikat firma guaman, apakah sudah mencukupi syarikat guaman dalam negara kita yang mempunyai pengalaman dalam bidang pattern right ini, dari segi proses prosedurnya?

Kalau di Barat setahu saya, walaupun mereka ini telah berdaftar sebagai seorang peguam, advocates and solicitors tetapi di dalam konteks pattern right, dia mesti didaftarkan sekali lagi bahawa syarikat guamannya adalah layak untuk mengambil bahagian dalam soal-soal yang berbangkit bersabit dengan pattern right ini.

Saya ingin mencadangkan syarikat-syarikat guaman yang diperlukan oleh pelanggan-pelanggan nanti dalam berhubung dengan prosedur pattern right ini, saya mencadangkan supaya syarikat guaman yang layak dan yang ada pengalaman mesti didaftarkan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebelum mereka berhak untuk mengambil dan membawa kes-kes yang berhubung dengan pattern right ini.

Saya percaya kalau tidak, saya bimbang takut banyak berlaku eksploitasi dan kes pattern right ini

boleh berlarutan bertahun-tahun lamanya, akan mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan antara satu kes dengan satu kes yang lain. Maka sebab itu kita mesti pastikan bahawa tidak berlaku masalah kelambatan dari segi prosedur dan juga diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab kerana pertelingkahan dalam masalah intellectual property ini kalau kita lihat daripada pengalaman setengah-setengah negara melibatkan banyak wang dan mengambil masa yang panjang.

Saya memang bersetuju supaya cap dagangan ini disegerakan kerana ini juga boleh meningkatkan kualiti produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat perdagangan (manufacturing company) dalam negara kita. Tanpa cap dagangan sebagaimana yang disebut oleh Ahli Parlimen dari Jerai tadi, sudah barang tentu kesukaran kita ialah untuk menentukan kualiti. Apabila masyarakat dilatih melalui cap dagangan dan cap dagangan itu ada kredibilitinya, maka sudah barang pasti ini boleh menolong menaikkan nama negara kita di peringkat pasaran antarabangsa dan juga mempertahankan hak orang lain. Sebab, cara cari makan mengambil hak orang lain ataupun cara menipu adalah sesuatu yang memang tidak sihat.

Memang kita tahu banyak perkara yang sudah berlaku sebelum ini. Cetak rompak kaset, cetak rompak hasil-hasil karyawan negara kita, cetak rompak dari segi bahan-bahan tulisan untuk dijadikan skrip filem, memang selama ini berlaku. Kebanyakan boleh dikatakan saban hari kalau kita baca di dalam akhbar perkara ini berlaku. Manakala begitu juga di dalam lain-lain produk yang ringan, banyak berlaku masalah barang tiruan ini.

Kalau kita ambil contoh plug elektrik, ini pun banyak tiruan berlaku di dalam negara kita. Tetapi pada suatu masa yang sama juga kita harus ingat, walaupun saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Jerai, kita negara yang sedang membangun dan kita sedang menuju Wawasan 2020. Negara kita akan capai pada tahap fully industrialised, dengan izin, pada tahun 2020, kalau lebih awal lagi lebih baik. Tetapi dalam proses hendak mencapai ke tahap tersebut, tentulah kita hendak menggalak seberapa banyak backyard industry, seperti yang dibuat oleh negara Thailand, yang saya sudah sebut. Kalau kita lihat dalam konteks negara Thailand, memang masalah cap dagangan ini satu perkara yang cukup mengharukan kerana semua jenama-jenama penting seperti Dunhill, Rolex, sebut sahaja apa yang ada dalam dunia ini, semua Thailand ada. Tetapi kata Thailand walaupun mungkin mereka ini membelakangi Montreal Protocol, tidak mengendahkan Convention Paris tetapi kepada negara Thailand, mereka mementingkan kepentingan negara mereka. Mereka hendak menggerakkan industri backyard ini dengan melatih rakyat mereka, "kamu buat apa sahaja yang kamu hendak buat, hendak tiru barang orang, tirulah", sehingga lahirlah jam Dunhill, Rolex, kasut Belley dan sebagainya. Kalau kawasan saya di Pasir Mas, kalau pergi sekarang ini saya cukup banggalah sebab pengundi-pengundi saya sebahagian besar kalau tengok pakaian, tie—Dunhill; tali pinggang—Lounge Jean; dan kasut—Belley but made in Golok. Kalau di sebelah Kelantan cukup banyak, malahan di Kuala Lumpur pun ada. Tetapi ketahanan perkembangan industri di Thailand kerana industri ini.

Jadi, dalam konteks negara kita, walaupun saya bersetuju supaya kita menguatkuasakan dengan cepat cap

dagangan ini untuk melindungi hak pihak-pihak tertentu daripada dirompak oleh pihak-pihak golongan yang tidak bertanggungjawab tetapi pada masa yang sama kita juga harus melihat dalam perspektif yang saya sebutkan tadi. Sebab, kalaulah semua sekali mereka ini mendapat cap dagangan, maka ruang untuk pertumbuhan industri-industri kecil yang boleh kita kembangkan melalui inovasi rakyat negara kita, sudah barang tentu akan terbantut. Pada sayalah sedikit-sedikit itu bolehlah seperti negara Thailand. Jangan kita tutup sebab kita belum bersedia. Ini yang saya minta supaya pihak Kementerian akan mencari ruang yang munasabah supaya tidak berlaku konflik nanti di antara apa yang saya maksudkan tadi dengan maksud Akta ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang memang sudah lama sejak tahun 1976 lagi belum dipinda. Inilah baru dipinda dan saya percaya ia akan memberi kesan yang baik terutamanya di dalam mempertahankan intellectual property ataupun hak mana-mana kumpulan supaya hasil mereka tidak dicuri oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Oleh itu saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tumpat.

6.17 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk berbincang sedikit sebanyak mengenai Akta Cap Dagangan (Pindaan) yang sedang dibincangkan sekarang ini.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa kalau di negara ASEAN ini, maka kitalah merupakan negara yang pertama mengemukakan akta yang seperti ini. Dari segi falsafahnya memang kami menyokong kerana kita tidak mahu rakyat negeri kita ini tertipu dengan barang-barang yang menggunakan jenama-jenama tiruan atau cap-cap dagangan tiruan. Tetapi kita juga perlu memikirkan daripada segi kesannya terutama kepada pedagang-pedagang kecil, sebab saya lihat tidak kurang daripada 90% yang terlibat di dalam pengedaran barang-barang tiruan adalah terdiri daripada peniaga-peniaga kecil. Kalau dihalusi daripada jumlah itu maka yang terbanyaknya, kalau di sebelah Kelantan, Perlis dan Kedah, saya rasa adalah terdiri daripada orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, kalau kita lihat bahawasanya yang menggunakan cap dagangan tiruan ini saya rasa bukan sahaja daripada luar negeri. Kalau daripada luar negeri memang sukar untuk kita kawal tetapi ianya dihasil dan diusahakan juga di dalam negeri kita sendiri, terutama daripada kilang-kilang haram yang telah bertaburan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tidak sokong, tetapi di segi falsafahnya memang saya sokong, tetapi kebimbangan yang ada pada saya, apakah Kerajaan mampu untuk membasmi penyakit ini?

Saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya pihak Kerajaan mengenakan hukuman yang berat kepada pengusaha-pengusaha di dalam negeri kita ini yang menggunakan cap barangan tiruan, mengenakan hukuman yang berat. Kalau pengedar dadah kita boleh mengenakan

hukuman gantung, bagaimana pula tentang mereka-mereka yang telah bersubahat dan telah membuat sesuatu yang menyalahi undang-undang dengan lain perkataan, yang telah menipu masyarakat kita. Apakah tidak perlu kita mengadakan hukuman yang berat, saya rasa salah satu cara dan jalan untuk kita membasmi penyakit ini, yang pertama kita mesti mengenakan hukuman yang berat; dan yang kedua, saya rasa perlulah kita mengadakan kawalan yang rapi. Sekiranya perlu, Kerajaan menambahkan pegawai dan kakitangan. Saya rasa itu adalah merupakan perkara-perkara yang sangat-sangat dialu-alukan.

Yang ketiga, yang ingin saya sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah pengiklanan cap dagangan. Yang kita lihat di negara kita ini masalah pengiklanan ini bukan sahaja dalam surat khabar, dalam radio, dalam TV dan juga kadang-kadang terganggu lalulintas. Tidak salah kalau saya katakan di sini wujud beberapa accident dalam negara kita ini akibat daripada pengiklanan dagangan ini. Di mana-mana dalam negara kita ini terutama di bandar-bandar iklannya besar. Misalnya iklan susu 'Dutch Baby' terpaksa dibentangkan di situ bukan susu sahaja, tetapi dengan orangnya yang separuh bogel, yang sedang tidur pula. Apa hubungan dengan susu ini? Ini adalah merupakan satu contoh dan kalau kita lihat dari segi falsafahnya, saya rasa ini adalah juga menipu masyarakat.

Macam iklan sabun Lux, sekarang ini siapa yang menjadi model adalah dipilih daripada penyanyi-penyanyi yang top seperti Sheila Majid, seolah-olah orang yang memakai sabun Lux itu mukanya semua licin macam itulah, suaranya merdu macam itulah. Ini juga kita tertipu. Apakah Kerajaan tidak

terfikir, dan apakah Kerajaan mahu rakyat negara kita ini dibawa ke satu sudut atau ke satu arah yang khayal. Macam kita menonton bola sepak di TV, sedang asyik kita menonton keluar yang bukan-bukan, kadang-kadang terlalu banyak iklan-iklan, kadang-kadang terganggu ketenteraman fikiran, perasaan kita. Apakah dalam soal-soal seperti ini pihak Kerajaan tidak memikirkan?

Saya mengharapkan Kerajaan bukan sahaja memikirkan bagaimana untuk membasmi cap dagangan tiruan tetapi juga Kerajaan memikirkan bagaimana untuk merasionalisasikan pengiklanan-pengiklanan dalam negara kita ini sama ada dalam radio, surat khabar, TV dan juga di tepi-tepi jalan. Sebab di tepi-tepi jalan sekarang ini sudah pasti mengganggu lalulintas, sebagaimana yang saya katakan tadi banyak accidents yang berlaku akibat daripada asyik melihat gambar yang baru dipasang. Mungkin rasa saya Dato' daripada Larut inipun tidak setuju dengan apa yang dilakukan oleh pihak Kementerian atau Kerajaan yang ada sekarang.

Ini adalah salah satu daripada faktor untuk mengghairahkan nafsu syahwat lelaki, sebab gambar-gambar yang ada ditepi jalan itu kebanyakannya gambar perempuan. Kalau dibubuh gambar Encik Abdul Ghafar pun baik sedikit ataupun gambar-gambar pemimpin politik. Kenapa bintang-bintang filem ditonjol-tonjolkan. Kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini tidak ditayangkan?

Saya rasa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang lebih lawa daripada film star (*Ketawa*)—ramai, mengapa tidak diiklankan? Mungkin kalau ditayangkan gambar-gambar Ahli-ahli Yang Berhormat ini mungkin

dia tidak telanjang dan dia tidak akan berbuat begitu. Saya hairan kenapa Kerajaan boleh bersubahat dengan kerja-kerja yang karut dan keji ini?

Yang Berhormat Menteri wanita kita ini sibuk dengan anak-anak tepi longkang sekarang ini. Pada pandangan saya salah satu faktor yang menyebabkan ramainya anak di luar nikah sekarang ini, salah satu daripada faktornya ialah gambar-gambar, iklan-iklan yang tidak bertanggungjawab, yang telah dipasang di seluruh negara kita ini.

Saya berharap di masa-masa akan datang pihak Kerajaan bukan sahaja mengawal barang-barang cap dagangan tiruan, sama ada daripada luar negeri yang masuk ke dalam negeri kita, juga

yang dihasilkan di dalam negeri kita sendiri, bahkan Kerajaan juga perlulah merasionalisasikan pengiklanan-pengiklanan sama ada dalam radio, TV dan tepi-tepi jalan semoga masyarakat kita ini tidak akan tertipu, dan tidak akan berada dalam satu keadaan yang khayal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nampaknya masa sudah cukup untuk hari ini, minta Kementerian menjawab pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.